

MPHS

DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

NASKAH PERCUMA

BIL.2#2024

**YBrs. PUAN JULAIHAH BINTI
JAMALUDIN, A.M.S.**

YANG DIPERTUA MPHS

Berkuatkuasa mulai
1 Ogos 2024

▶▶ 15



**ANUGERAH BANDAR
PALING MAMPAN
2024**

• PERINGKAT KEBANGSAAN

HPBS 2024



Sila imbas untuk
versi digital



*Sekapur Sirih Seulas Pinang,
Dihidang Untuk Makan Bersama,
Kata Dilitip Pantun Dikarang,
Sebagai Pembuka Manis Bicara.*

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ وَسَلِّمْ عَلٰى رَسُوْلِكَ مُحَمَّدٍ وَآلِهِ الطَّيِّبِیْنَ الطَّاهِرِیْنَ

dan salam sejahtera
Salam Malaysia Madani dan Salam Kita Selangor.

Selamat bersua kembali pembaca sekalian. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya Buletin MPHS Edisi 2/2024 bagi imbasan peristiwa dan sorotan aktiviti di sepanjang bulan Julai hingga Disember 2024 berjaya diterbitkan. Ucapan syabas dan tahniah kepada seluruh warga kerja MPHS atas sumbangan idea dan penyediaan laporan secara langsung atau tidak langsung.

Selaras dengan matlamat yang ditetapkan di dalam Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor 2035 bagi menjadikan **Hulu Selangor Daerah Mesra Pelabur**, Unit Pusat Setempat (OSC) yang menjadi barisan pertama yang menerima segala permohonan pemajuan telah diperkukuhkan dengan *Executive Information System (EIS)*. MPHS juga telah merangka *Ease Of Doing Business in Hulu Selangor* bagi memberi kemudahan kepada pelabur yang ingin melabur dan membangunkan tanah di Hulu Selangor daripada aspek mendapatkan kelulusan Pelan Pembangunan sehingga Lesen Perniagaan.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga kerja MPHS, Ahli-Ahli Majlis, Agensi Kerajaan dan Swasta serta para pelanggan yang telah bersama-sama menyumbang kepada kecemerlangan yang telah dikecapi oleh MPHS ini. Saya berharap kandungan buletin ini akan dapat memberikan manfaat kepada semua pihak.

Sekian, terima kasih.

**YBrs. PUAN JULIAH BINTI JAMALUDIN,
A.M.S.**

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR**

**SIDANG
REDAKSI**

BULETIN MPHS BIL. 2/2023

- PENAUNG** YBrs. Puan Julaihah Binti Jamaludin, A.M.S.
Yang Dipertua
- PENASIHAT** Tuan Awaluddin Bin Zakaria, A.M.S.
Setiausaha
- KETUA PENGARANG** Puan Junainah Binti Abdullah
Ketua Bahagian Korporat
- PENGARANG** Puan Rabiatul Adawiah Abdul Rahman • Puan Siti Khalijah Mahauddin
- JURU FOTO** Abdul Azim Bin Abu Bakar
- DITERBITKAN OLEH** Bahagian Korporat
Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Jalan Bukit Kerajaan
44000 Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor.
Emel: korporatmphs@gmail.com | 03 6064 1331 samb. 121 & 252

KANDUNGAN

SEKAPUR SIREH JULAI

1. PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR 2024 PERINGKAT DAERAH HULU SELANGOR	2
2. PROGRAM SARAPAN PERCUMA	6
3. APLIKASI PSIKOLOGI DALAM PERKHIDMATAN PELANGGAN	7
4. MALAM ANUGERAH PLATFORM SELANGOR 2024	7
5. SESI TAKLIMAT <i>TOWNHALL</i> BERSAMA PENYEWA PASAR AWAM RASA	8
6. PROGRAM ANUGERAH ISTIMEWA	8
7. GOTONG ROYONG PERDANA	9
8. LAWATAN KERJA UNIT PENGURUSAN ASET PSUK NEGERI SELANGOR	9
9. MPHS LAKSANA INISIATIF <i>EASE OF DOING BUSINESS IN HULU SELANGOR</i>	10
10. MAJLIS PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG 2024	10
11. MAJLIS PENYERAHAN GERAN KAHS KOMUNITI MAMPAN 3.0 MPHS	11
12. <i>8TH SELANGOR INTERNATIONAL BUSINESS SUMMIT 2024</i>	11
13. AUDIT PEMATUHAN BAGI MS ISO/IEC 27001:2013	12
14. PELEPASAN <i>TEAM MALA</i>	12

Selamat Datang dan Tahniat!!!
KETIBAAN YANG DIPERTUA MPHS

13

OGOS

15. SESI MENDENGAR BANTAHAN PENILAIAN	12
16. PENYERAHAN BENDERA SUKMA	13
17. MAJLIS SERAH TUGAS DAN LAMBAIAN AKHIR MANTAN YDP MPHS	14
18. PERASMIAN WISMA ENDOWMEN DAN PEJABAT CAWANGAN BAHARU MPHS	15
19. YANG DIPERTUA MPHS MELAWAT TEMPAT PPS	15
20. KEMBARA MERDEKA JALUR GEMILANG 2024	16
21. SUMBANGAN KEPADA KONTINJEN SUKAN MALAYSIA (SUKMA) NEGERI SELANGOR - WUSHU DAN KARATE-DO	16
22. LAWATAN KERJA KE LADANG TERNAKAN AYAM PENELUR	17



14



23. PERHIMPUNAN BULANAN: MPHS SERU SEMARAKKAN BULAN KEMERDEKAAN	17
24. PENILAIAN SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT) MPHS TAHUN 2024	18
25. SESI TAKLIMAT PEMBANGUNAN DAERAH HULU SELANGOR BERSAMA YB KUALA KUBU BHARU	18
26. SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN KE-67 PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2024	19
27. SEMARAK MERDEKA @ TEMASYA JALANAN KUALA KUBU BHARU	20

KANDUNGAN

TANDEM PARAGLIDING

23



SEPTEMBER

- 28. MAJLIS HI-TEA YDP MPHS BERSAMA KETUA-KETUA JABATAN DAERAH HULU SELANGOR 20
- 29. PROGRAM HOST KOMUNITI TOURISM SELANGOR 21
- 30. MAJLIS PERASMIAN WYNDHAM GARDEN FRAZER HILL 21
- 31. PERTANDINGAN KECERIAAN BULAN KEMERDEKAAN PERINGKAT ZON 5S MPHS 22
- 32. SELANGOR KING OF MOUNTAIN 22

OKTOBER

- 33. AUDIT PEMANTAUAN (2) MS ISO 9001:2015 23
- 34. PETRONAS LE TOUR DE LANGKAWI MALAYSIA 24
- 35. KARNIVAL ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR 25
- 36. KONVENSYEN BANDAR PINTAR DAN EKONOMI DIGITAL SELANGOR (SDEC) 2024 25
- 37. MAJLIS BACAAN YASSIN 26
- 38. PROGRAM MENEMBAK GAGAK SIRI 3/2024 26
- 39. MPHS DIKTIRAF SEBAGAI BANDAR PALING MAMPAN SEMPENA HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 27
- 40. TAZKIRAH PERDANA 27
- 41. LAWATAN KERJA JAWATANKUASA OSC PERANCANG PEMBANGUNAN MPHS DAN JAWATANKUASA MAMPAN HULU SELANGOR KE MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS 28
- 42. KONVENSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN 2024 28
- 43. HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2024 29



FIESTA MAKANAN WARISAN SELANGOR

- 44. KUNJUNGAN DARI ULSAN METROPOLITAN CITY NAM-GU COUNCIL, KOREA SELATAN 29
- 45. PERHIMPUNAN BULANAN - OKTOBER 30
- 46. MAJLIS SERAH PASAR AWAM, GERAI DAN TAPAK NIAGA TAMAN BUNGA RAYA 30

NOVEMBER

- 47. SESI TOWNHALL TAPAK PENJAJA TAMAN BUNGA RAYA 31

- 48. LAWATAN PEMERIKSAAN KE PROJEK HIDROKUASA KECIL SUNGAI BATANG KALI 31
- 49. PERTANDINGAN INOVASI MALA 3.0 PIALA MENTERI KPKT 2024-2025 32
- 50. MAJLIS MAKAN MALAM KEBUDAYAAN PJIYLC 33
- 51. SELANGOR AGROGREEN HULU SELANGOR 2024 33
- 52. PERHIMPUNAN BULANAN 33
- 53. MAJLIS MAKAN MALAM PENGIKTIRAFAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH KONVENSYEN ICC/KIK MALAYSIA 2024 34

DISEMBER

54. LAWATAN MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT DAN MAJLIS DAERAH TAMPIN	34
55. MESYUARAT SEMAKAN PIAGAM PELANGGAN	34
56. TAKLIMAT HARTA INTELEK	35
57. TAKLIMAT PROGRAM PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN QE5.0	35
58. BENGKEL <i>FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD)</i>	35
59. TAKLIMAT KESELAMATAN KEBAKARAN 2024	36
60. HARI TANPA KENDERAAN - HULU SELANGOR	37
61. KURSUS PENGURUSAN HAIWAN TERBIAR	38
62. PROGRAM KITAR SEMULA SIDINA UCO	38
63. HARI SEMAKAN BUKU PENTADBIRAN	38
64. SESI LIBAT URUS CADANGAN BAIKPULIH IMEJ KAWASAN PERINDUSTRIAN KAMUNTING	39
65. SESI LELONGAN AWAM	39
66. LAWATAN PENANDA ARAS MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU KE MPHS	39
67. BENGKEL PENJENAMAAN SEMULA PROGRAM INDAH PERSEKITARAN 2025	40
68. LAWATAN KERJA KE LEMBAH BERINGIN, SUNGAI CHOH DAN TAMAN SERENDAH MAKMUR	40
69. LAWATAN PERKONGSIAN ILMU MBSA BAGI PELAKSANAAN GERAN KHAS KOMUNITI MAMPAN, MPHS	41
70. BOWLING IPMC BERSAMA KOMUNITI INDUSTRI HULU SELANGOR 2024	41
71. LAWATAN PENANDA ARAS JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA, MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU KE MPHS	42
72. LAWATAN TAPAK PROJEK PEMBINAAN BANGUNAN DEWAN BANQUET 2 TINGKAT DI TAMAN TASIK MILENIUM	42
73. MENYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL PELANCONGAN DAERAH HULU SELANGOR	43
74. LAWATAN YANG DIPERTUA KE KILANG TSP3DG, RASA	43
75. LAWATAN YANG DIPERTUA KE PUSAT SEMBELIHAN AYAM RAWANG DAN SUNGAI CHOH	44
76. LATIHAN PENGUNGSIAN PEJABAT "FIRE DRILL" 2024	44



36

OPERASI TEGAS

77. PROGRAM AHLI MAJLIS	45-49
78. LAPORAN ADUAN	50-52
79. DIREKTORI PENGURUSAN TERTINGGI MPHS DAN AHLI MAJLIS	55-54

PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR 2024

PERINGKAT DAERAH HULU SELANGOR

1 JULAI 2024 • DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU. Pada penilaian kali ini sebanyak 10 penyertaan daripada daerah Hulu Selangor telah direkodkan di mana 5 penyertaan daripada kategori pihak berkuasa tempatan dan 5 penyertaan bagi kategori sekolah. Para peserta dinilai oleh 3 orang panel yang terdiri daripada : **1. Encik Mohamad Saiful Azri bin Mohd Fouzi**, Penolong Setiausaha (Seksyen Komunikasi Korporat) Bahagian Korporat, Pejabat SUK Selangor. **2. Puan Norbaini binti Mohamad Zainudin**, Penolong Setiausaha (Seksyen Inspektorat Dan Pengiktirafan) Bahagian Korporat, Pejabat SUK Selangor. **3. Tc. Encik Norhisham bin Mamat @ Zakaria**, Penolong Jurutera Mekanikal Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat SUK Selangor.




Program SARAPAN PERCUMA



3 JULAI 2024 • LEMBAH BERINGIN. Program Sarapan Percuma Tabung Endowment MPHS diteruskan lagi dan kali ini giliran pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan Lembah Beringin pula menikmati manfaat ini. Sehingga kini sebanyak 12 buah sekolah telah menerima manfaat sarapan percuma hasil daripada sumbangan para penyumbang semenjak program bermula dari 3 Mei 2024. Majlis merakamkan jutaan terima kasih kepada para penyumbang yang turut sama berganding bahu bagi menjadikan Daerah Hulu Selangor kita ini mencapai Sifar Kelaparan, Sifar Kemiskinan dan anak-anak sekolah berhak mendapat pendidikan yang berkualiti selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) terutama pada SDG1, SDG2 dan SDG4. MPHS berharap semoga tabung ini dapat disalurkan lagi agar lebih banyak manfaat dapat disalurkan kepada masyarakat Hulu Selangor.






Jom menyumbang dan sebarkan ia melalui:
 <https://bit.ly/m/EndowmenMPHS>

APLIKASI PSIKOLOGI DALAM PERKHIDMATAN PELANGGAN

11 - 12 JULAI 2024 • MERCURY HOTEL, SELAYANG.

Kursus ini dihadiri seramai 21 orang yang terdiri daripada Penolong Pegawai Tadbir daripada jabatan-jabatan yang terlibat secara langsung dengan pelanggan. Turut hadir bersama, Puan Junainah binti Abdullah, Ketua Bahagian Korporat MPHS. Kursus yang berlangsung selama dua hari ini dikendalikan oleh pakar runding dari Global Genius Consultant Sdn.Bhd, Tuan Haji Ahmad Fadzli bin Yusof selaku trainer dan Tuan Mohamad Solhi bin Mohd Sharif selaku co-trainer.

-  **Kemahiran mengurus isu dan masalah psikologi di tempat kerja;**
-  **Kemahiran dalam pengurusan emosi, stres, perubahan sikap dan set minta; serta**
-  **membantu pegawai memiliki nilai dan etika kerja serta sikap yang positif.**



MPHS Malam Anugerah Platform Selangor 2024

12 JULAI 2024 • HOTEL SUNWAY RESORT, SUBANG JAYA

Majlis Malam Anugerah Platform Selangor telah diadakan bagi menyampaikan anugerah kepada usahawan kecil micro sebagai tanda penghargaan. Seramai 12 peserta telah terpilih untuk dinobatkan sebagai peserta terbaik berdasarkan pencapaian mereka sepanjang menjalani Program Latihan Pembangunan Usahawan Selangor (PLATS) mewakili 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di dalam Negeri Selangor. Program ini dirasmikan oleh YAB. Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin Shari dan turut hadir Exco Kerajaan Negeri, Yang Dipertua dan Orang Besar Daerah di setiap PBT, serta Ahli Majlis. Amirudin berkata, program seperti ini adalah salah satu inisiatif Kerajaan Negeri bagi membantu golongan usahawan kecil ke arah memacu ekonomi digital. Program ini juga perlu diteruskan dari masa ke semasa oleh kerana pertambahan jumlah penyertaan yang begitu drastik setiap tahun.



SESI TAKLIMAT TOWNHALL BERSAMA PENYEWA PASAR AWAM RASA



16 JULAI 2024 • RASA. Program sesi taklimat bersama penyewa bagi cadangan menaiktaraf 1 unit pasar awam 1 tingkat yang sedia ada di Mukim Rasa, Daerah Hulu Selangor. Pengarah JPPH telah mempengerusikan sesi taklimat yang turut dihadiri oleh Tan Ching Keok, Ketua Kampung Rasa, wakil Jabatan Bangunan serta wakil Jabatan Kejuruteraan. Sesi taklimat dan sesi soal jawab berjalan dengan lancar.



Program **ANUGERAH ISTIMEWA**

17 JULAI 2024 • KUALA LUMPUR


Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah menyantuni anak-anak istimewa dengan kerjasama dari sembilan (9) Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Hulu Selangor di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Program yang berkonsepkan **"Playing Tourist"** di Muzium Haiwan dan Sains yang bertempat AQUARIA KLCC dan PETROSAINS memberikan keterujaan kepada anak-anak istimewa ini selain turut meraikan guru-guru pengiring PPDK Hulu Selangor. Ahli Majlis MPHS, Puan Saripah binti Bakar berkata, program yang dilaksanakan merupakan acara tahunan anjuran MPHS dalam menghargai dan memberi pendedahan

kepada anak-anak istimewa sekaligus memberi pengetahuan kepada masyarakat bahawa anak-anak berkeperluan khas ini tidak sepatutnya hanya berada di rumah serta perlu diberi peluang untuk menjalani kehidupan normal. Program turut disertai oleh Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat MPHS, Puan Nurulhuda Ahmad binti Khairuddin bersama 6 orang Ahli Majlis MPHS yang lain iaitu, Puan Saripah binti Bakar, Encik Chinniah A/L Subramaniam, Encik Aylwin Chan Wai Tuck, Tuan Syed Hidayat bin Syed Hassan, Puan Wong Sheau Mei dan Encik A. Durai Anbalagan A/L Ayyakanama. Secara keseluruhan, program ini telah melibatkan 120 orang peserta termasuk Ahli Majlis MPHS, guru pengiring dari setiap PPDK Hulu Selangor serta kakitangan MPHS sendiri.



GOTONG ROYONG PERDANA

18 JULAI 2024 • KUALA KUBU BHARU. Pemeriksaan Pengurusan Harta Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah mengadakan Program Gotong Royong Perdana bersama penyewa bertempat di Medan Selera Dataran Kuala Kubu Bharu. Program ini melibatkan 23 orang kakitangan JPPH, 9 penyewa premis dan kerjasama daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Landskap serta wakil-wakil dari setiap jabatan dan bahagian yang terlibat. Turut hadir ke program ini, Yang Dipertua, Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, S.M.S, Timbalan Yang Dipertua, Tuan Awaluddin bin Zakaria, A.M.S, Ahli Majlis Zon 8, Puan Saripah binti Bakar, Ketua Jawatankuasa Kaizen, Encik Mohd Heiri Helmi bin Abu Bakar. Program ini diadakan adalah untuk memastikan premis sentiasa dalam keadaan bersih dan selesa. Secara tidak langsung premis ini juga telah dipilih untuk menyertai Pertandingan Pengiktirafan Medan Selera Bersih PBT Tahun 2024. Disamping itu, program ini dapat meningkatkan kerjasama dan hubungan harmoni antara Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dengan penyewa premis dalam mewujudkan persekitaran yang kondusif, selamat dan ceria di Medan Selera Dataran Kuala Kubu Bharu untuk keselesaan pelanggan. Program yang dimulakan dengan bacaan doa oleh Saudara Muhammad Solehin bin Abd Rahim dan penerangan oleh Encik Azizul Azrin bin Mohd Badri mengenai program gotong royong bagi memasuki Pertandingan Pengiktirafan Medan Selera Bersih. Program ini disemarakkan lagi dengan pertandingan Anugerah Premis Terbaik Keseluruhan, Anugerah Premis Terbersih dan Anugerah Premis Paling Sporting. Bagi **Anugerah Premis Terbaik Keseluruhan** dimenangi oleh **Encik Rosmanizam bin Ruzlan**, **Anugerah Premis Terbersih** dimenangi oleh **Puan Sara A/L Selvaraju** dan **Anugerah Premis Paling Sporting** dimenangi oleh **Muhammad Haziq Naquiddin bin Hairuddin**. Penutup bagi program ini di akhiri dengan ucapan alu-aluan dari Ahli Majlis, Puan Saripah binti Bakar. Beliau menyambut baik usaha JPPH dan jabatan-jabatan terlibat dalam bekerjasama mengadakan program bersama komuniti dan berharap program ini diteruskan pada masa akan datang. Program ini diakhiri dengan sesi penyampaian hadiah dan sesi bergambar beramai-ramai. Diharapkan dengan penganjuran program seperti ini mewujudkan identiti korporat dan suasana yang kondusif di premis milik MPHS.



LAWATAN KERJA UNIT PENGURUSAN ASET PSUK NEGERI SELANGOR



19 JULAI 2024 • DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU. Lawatan kerja ini sebagai penanda aras serta menjalinkan kerjasama strategik pihak Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) yang bertanggungjawab terhadap pengurusan aset di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (PSUK) bersama dengan pihak Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS). Delegasi seramai 28 orang yang diketuai oleh Encik Ahmad Nazmi bin Razali (Penolong Setiausaha) telah hadir di sini bagi sesi taklimat berkaitan pengurusan aset kerajaan merangkumi aspek pengurusan aset alih, aset tidak alih dan hartanah, teknikal serta pengangkutan di MPHS. Taklimat telah disampaikan oleh Encik Mohd Norazif bin Ahmad Tamsis (Pegawai Jabatan Khidmat Pengurusan, MPHS) serta turut hadir sama pada taklimat tersebut ialah Pengarah/Ketua Bahagian serta pegawai teknikal MPHS. Semoga dengan kerjasama ini membolehkan kedua-dua pihak berkongsi pengalaman, idea dan pendapat berkenaan kaedah pengurusan serta operasi pengurusan aset yang akrab di antara pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (PSUK) dan Majlis Perbandaran Hulu Selangor.



MPHS LAKSANA INISIATIF **EASE OF DOING BUSINESS IN HULU SELANGOR**

19 JULAI 2024 • SCAPES HOTEL, GENTING HIGHLANDS. Seramai 25 orang peserta terlibat dalam satu taklimat **'Kick Off Initiative Ease Doing Business In Hulu Selangor'** yang telah di adakan di Scapes Hotel, Genting Highland. Peserta yang terlibat terdiri daripada Agensi Teknikal Jawatankuasa OSC Perancangan Pembangunan MPHS, MIDA Selangor, Invest Selangor, REHDA Selangor. Turut hadir dalam sesi ini adalah wakil dari *Malaysia Institute of Planner (MIP)* dan *Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM)*. Tujuan sesi taklimat ini bertujuan memberi penerangan dan mendapatkan maklumbalas dari semua agensi dan pemain industri berkaitan semua inisiatif yang dibangunkan di dalam *'Ease Of Doing Business In Hulu Selangor'*. TPr. Gs. Azlina binti Mokhtar, Pengarah Jabatan Perancang Bandar MPHS bersama Encik Md Rizal bin Mohd Sofian @ Abd Karim, Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan MPHS telah menyampaikan sesi taklimat berkenaan kepada semua peserta terlibat. Turut hadir pada sesi ini, Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua MPHS. Inisiatif *'Ease Of Doing Business In Hulu Selangor'* ini adalah satu inisiatif yang dirangka bagi memudahkan pelabur untuk melabur dan membangunkan perniagaan di Hulu Selangor. Inisiatif ini merangkumi kemudahan untuk kelulusan pelan pembangunan dan mendapatkan lesen perniagaan, katanya.



MAJLIS PELANCARAN **BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG 2024**



21 JULAI 2024 • CYBERJAYA



21 JULAI 2024 • CYBERJAYA. Pelancaran tersebut bertujuan untuk menyuburkan semangat patriotisme dan cintakan negara dalam kalangan rakyat Malaysia menuju sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri. Majlis tersebut juga turut dihadiri oleh Yang Berusaha Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua MPHS bersama dengan 40 orang pegawai dan kakitangan MPHS bagi sama-sama memeriahkan lagi sambutan itu sebagai menunjukkan semangat patriotisme dan cintakan negara. Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini yang bertema **'Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka'** harus dijadikan sebagai tahun mempamerkan kemegahan rakyat dan negara. Semua penduduk di daerah Hulu Selangor untuk turut mengibarkan Jalur Gemilang sepanjang Bulan Kebangsaan bagi menunjukkan semangat cintakan negara dan menjiwai semangat kemerdekaan.

Majlis Penyerahan GERAN KHAS KOMUNITI MAMPAN 3.0 MPHS

23 JULAI 2024 • DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU



23 JULAI 2024 • KUALA KUBU BHARU. Seramai **36 penerima** daripada 62 permohonan telah menerima Geran Khas Komuniti Mampan 3.0 Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) dalam usaha memberi peluang kepada komuniti di Daerah Hulu Selangor menyokong hasrat MPHS selaras dengan matlamat pembangunan mampan SDG. Dalam majlis tersebut, Yang Berhormat Puan Jamaliah Jamaluddin, Exco Kesihatan dan Alam Sekitar, Negeri Selangor sendiri telah merasmikan dan menyampaikan geran kepada penerima yang berjaya. Di dalam ucapan Yang Dipertua MPHS, Mohd Hasry Nor Mohd memaklumkan majlis ini diadakan sebagai salah satu inisiatif MPHS dalam memberi bantuan kewangan kepada komuniti di Daerah Hulu Selangor untuk melaksanakan projek dan program ke arah ketahanan bandar. **"Program ini telah memasuki tahun ketiga pelaksanaannya dengan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM120,000.00. Dapada jumlah tersebut, setiap penerima akan menerima geran berjumlah RM2,000.00 sehingga RM4,000.00".** "Geran Khas Komuniti Mampan ini melibatkan 4 kategori iaitu kategori Komuniti, NGO, Institusi Pendidikan dan Institusi Keagamaan. Manakala bidang keutamaan yang boleh dipohon adalah terdiri daripada bidang Teknologi Hijau,

Alam Sekitar dan Sosial," katanya lagi. Turut hadir ADUN Kuala Kubu Bharu, YB Puan Pang Sock Tao, Orang Besar Daerah Hulu Selangor, Raja Dato' Muzaffar Raja Redzwa, Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor, TPr. Khairulzaman bin Ibrahim serta Ahli-ahli Majlis MPHS. Pada majlis yang sama juga turut diadakan **Majlis Pelancaran Anugerah Satu Komuniti 1 Inisiatif Lestari (SK1IL)**. Program ini merupakan kesinambungan daripada program Geran Khas Komuniti Mampan bagi mengiktiraf komuniti yang telah melaksanakan projek dengan memberi impak kepada semua. Selain itu, penyerahan sijil pelantikan kepada Rakan Kongsi (Partners) MPHS turut diadakan bagi Pelaksanaan Program Zon Bandar Rendah Karbon Tahun 2024. Sebanyak 7 Rakan Kongsi telah menerima sijil pelantikan dan MPHS sentiasa komited dalam melaksanakan inisiatif ketahanan selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam memberi peluang dan sokongan kepada komuniti daerah Hulu Selangor



**8TH SELANGOR
INTERNATIONAL
BUSINESS
SUMMIT
2024**



25-27 JULAI 2024 • KUALA LUMPUR. *Selangor International Business Summit (SIBS) 2024* telah berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor dalam menarik pelaburan dari dalam dan luar negara. Majlis Perasmian *Selangor International Business Summit (SIBS) 2024* yang telah dirasmikan oleh Dato Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari. Tuan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, YBrs. Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd telah hadir pada majlis tersebut. Turut hadir pada majlis ini Pengarah Jabatan Perancang Bandar MPHS, TPr. Gs. Azlina bin Mokhtar dan Ahli Majlis MPHS. Pada program ini juga pihak Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) juga turut menyertai reruai sempena *Selangor Investment Industrial Park Expo (SPARK)* di Dewan 1 (Booth 1026). Tuan Yang Dipertua turut melawat reruai pameran yang terdapat disini.



AUDIT PEMATUHAN BAGI MS ISO/IEC 27001:2013

26 JULAI 2024 • KUALA KUBU BHARU. SIRIM QAS International Sdn Bhd telah menjalankan Audit Pematuhan (*Surveillance Audit*) bagi MS ISO/IEC 27001:2013 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Merangkumi Pengurusan, Pengoperasian dan Pentadbiran Sistem E-Council (Penilaian dan Cukai Taksiran) Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Hasil daripada komitmen yang diberikan oleh semua pihak terutama Jawatankuasa Pelaksana ISMS, Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah **berjaya mengekalkan** dan memenuhi keperluan skop pensijilan daripada SIRIM dengan 1 Ketidakpatuhan (NCR) dan 2 penemuan Peluang Penambahbaikan (OFI). Sekalung penghargaan diucapkan kepada Encik Azran Bin Mohammad Ridzuan selaku Ketua Juruaudit bersama 2 orang auditor iaitu Puan Haliza Binti Ibrahim dan Puan Hidayatini Binti Sarmin daripada SIRIM QAS Sdn Bhd kerana sudi hadir untuk melaksanakan audit di MPHS. Syabas dan tahniah diucapkan kepada warga MPHS yang telah memberi komitmen padu sepanjang tempoh audit berlangsung.




PELEPASAN TEAM MALA



31 JULAI 2024 • KUALA KUBU BHARU. Pelepasan (*Flag off*) telah disempurnakan oleh wakil pengurusan tertinggi Encik Shaiful Rizza bin Haji Piamin (Pengaruh Jabatan Perbendaharaan merangkap Penolong Setiausaha MPHS). Turut hadir menyempurnakan acara ini Encik Chinniah a/l Subramaniam (Ahli Majlis MPHS), Encik Mohd Norazif bin Ahmad Tamsis (Pengaruh Jabatan Khidmat Pengurusan), Encik Khairul Anuar bin Khalid (Yang Dipertua KSDK MPHS), Encik Muhammad Azrul Nizam bin Mohd Azizi (Pegawai Sukan KSDK merangkap Ketua Kontinjen MPHS), AJK KSDK MPHS serta kakitangan MPHS. Encik Shaiful Rizza telah menyampaikan ucapan dan kata-kata semangat kepada semua peserta MALA agar tidak mudah mengalah dan putus asa. Doa dan harapan agar semua peserta sentiasa di bawah rahmat Allah sepanjang perjalanan pergi dan kembali dengan selamat, dimudahkan urusan sepanjang perlawanan serta beroleh kemenangan dengan mengharumkan nama MPHS di persada PBT Malaysia. Harapan semoga kemenangan milik kontinjen MPHS.



SESI MENDENGAR BANTAHAN PENILAIAN



**1 OGOS 2024 •
DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU**

Sesi pendengaran bantahan ini diadakan untuk memberi peluang kepada pemilik premis bagi mengemukakan bantahan terhadap kenaikan cukai yang akan dikuatkuasakan pada tahun 2025. Sesi ini juga melibatkan Puan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Setiausaha Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Ketua Jabatan serta Ahli Majlis MPHS. Sesi pendengaran bantahan tersebut adalah melibatkan sebanyak 3,295 daripada jumlah keseluruhan pegangan sebanyak 113,985 dimana hanya 2.9% yang membuat bantahan.



Selamat datang dan Tahnniah...

KETIBAAN YANG DIPERTUA MPHS

1 OGOS 2024 • KUALA KUBU BHARU

Selamat datang diucapkan kepada YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin A.M.S atas pelantikan sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor yang baharu berkuatkuasa 1 Ogos 2024.



PENYERAHAN BENDERA SUKMA

3 OGOS 2024 •
DEWAN RAJA MUDA MUSA, SHAH ALAM.

YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Negeri Selangor ke Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XXI, 2024 bertempat di Dewan Raja Muda Musa, Shah Alam. Turut bersama, YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi, EXCO Belia, Sukan dan Keusahawanan merangkap Ketua Kontinjen SUKMA Negeri Selangor, YBhg. Dato' Mohd Yazid Bin Sairi, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri Selangor merangkap Timbalan Ketua Kontinjen SUKMA Negeri Selangor dan YBrs. Tuan Mohamad Nizam bin Marjuki, Pengarah Eksekutif MSN, Yang Dipertua MPHS, YBrs. Puan Julaihah Jamaludin. Pada Majlis yang sama Yang Dipertua MPHS, YBrs. Puan Julaihah Jamaludin telah menerima watikah dari Dato' Menteri Besar Selangor selaku bapa angkat kepada sukan Karate Do dan Wushu.





Agenda Nasional Malaysia Sihat

3 OGOS 2024 • TAMAN TASIK MILENIUM. Program Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) Peringkat Daerah Hulu Selangor anjuran Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Selangor adalah pakej Sihat Sepanjang Hayat bagi manfaat rakyat melalui pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran yang menyokong hidup sihat dengan bertemakan Minggu Kesedaran Derma Organ pada tahun ini dan telah dirasmikan oleh YB Puan Pang Sock Tao (ADUN KKB), Puan Julaihah (YDP MPHS) dan Tuan Awaluddin (Timbalan YDP) telah turut sama melawat tapak pameran serta pemeriksaan Kesihatan yang disediakan bersama-sama Dr. Suhaida (Pegawai Kesihatan Daerah) dan YB Puan Pang Sock Tao (ADUN KKB). Dalam pada itu Tuan Awaluddin (Timbalan YDP) sempat



membawa Puan Julaihah (YDP MPHS) melihat kerja-kerja pembaikan serta pembangunan MPHS di Kawasan Taman Tasik Milenium, Kuala Kubu Bharu.

MAJLIS SERAH TUGAS DAN LAMBAIAN AKHIR MANTAN YANG DIPERTUA MPHS



5 OGOS 2024 • MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR. Majlis Serah Tugas dan Lambaian Akhir Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Mantan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah dihadiri oleh Yang Dipertua, Puan Julaihah binti Jamaludin, YAD Dato' Orang Besar Daerah, Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa Ketua Whip, Ahli Ahli Majlis, Timbalan YDP, Pengarah Jabatan serta kakitangan MPHS bagi memberi penghargaan dan tanda ingatan kepada mantan YDP MPHS, Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, yang telah mengakhiri tugas sebagai Yang



Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Langat berkuatkuasa 1 Ogos 2024 yang lalu telah menyerahkan nota serah tugas kepada Yang Dipertua MPHS Yang baharu iaitu Puan Julaihah binti Jamaludin. Dalam ucapannya, Tuan Mohd Hasry berkata beliau turut mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua warga MPHS yang bersama-sama dengan beliau dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan sepanjang beliau menjadi YDP di MPHS selama dua (2) tahun 11 bulan. Beliau juga turut berpesan agar semua warga kerja MPHS dapat memberi kerjasama yang baik kepada Puan Julaihah binti Jamaludin, YDP MPHS yang baharu agar MPHS akan terus maju pada masa hadapan dan memastikan perkhidmatan yang cekap dan efisien kepada rakyat Hulu Selangor dapat dipertingkatkan. Untuk rekod, Tuan Hasry merupakan YDP pertama setelah MDHS di naiktaraf kepada MPHS. Sepanjang tempoh pentadbiran beliau, MPHS telah mencapai pelbagai kejayaan dan menerima banyak pengiktirafan. Semua warga MPHS mengucapkan Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd akan terus maju jaya untuk berkhidmat di tempat yang baharu dan tidak sesekali melupakan warga MPHS.



PERASMIAN WISMA ENDOWMEN DAN PEJABAT CAWANGAN BAHARU MPHS



5 OGOS 2024 • BUKIT BERUNTING. Majlis perasmian Wisma Endowmen, yang terletak di Jalan Pakma, Bukit Berunting telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Hasry Bin Nor Mohd selaku Pengerusi Ahli Lembaga Pemegang Amanah Tabung Endowmen MPHS, manakala perasmian pejabat cawangan baharu pula telah disempurnakan oleh Puan Julaihah Binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS. Kedua-dua majlis bersejarah ini turut disaksikan oleh YAD Raja Dato' Muzaffar Bin Raja Redzwa selaku Ahli Majlis MPHS dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Endowmen MPHS. Bangunan Wisma Endowmen ini adalah salah satu dari instrumen pelaburan Tabung Endowmen MPHS yang mana ianya menjana hasil sewaan untuk disalurkan kepada penerima manfaat yang selari dengan agenda pembangunan mampan terutama bagi SDG1 (sifar kemiskinan) SDG2 (sifar kemiskinan) dan SDG4 (pendidikan berkualiti). Tabung Endowmen MPHS mengucapkan terima kasih kepada para penyewanya yang terdiri dari MSU Fraser Global Valley, Chatime, dan kedai cermin mata MySight. Wisma Endowmen ini juga turut disewakan kepada pejabat cawangan MPHS yang menempatkan Jabatan Pesuruhjaya Bangunan, Jabatan Pengurusan



Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Jabatan Penguatkuasaan serta kaunter kutipan MPHS. Endowmen MPHS merakamkan jutaan terima kasih kepada para penyumbang tabung endowmen yang turut sama berganding bahu bagi menjadikan daerah Hulu Selangor ini dapat mencapai matlamat pembangunan mampan yang diidamkan dan terus berharap supaya tabung ini dapat disuburkan lagi agar lebih banyak manfaat dapat diberikan kepada masyarakat Hulu Selangor.



YDP MELAWAT TEMPAT PPS YANG DIPERTUA MPHS MENYANTUNI MANGSA BANJIR DI DEWAN SERBAGUNA SEKOLAH, SUNGAI SELISEK



5 OGOS 2024 • HULU BERNAM.

YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS telah menyantuni mangsa-mangsa banjir yang telah dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Dewan Serbaguna Sekolah, Sungai Selisek. Pihak MPHS turut memberi sumbangan dalam bentuk makanan kering yg disampaikan oleh YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, YDP MPHS kepada Ketua Kampung yang terjejas banjir. Beliau turut meluangkan masa beramah mesra dengan mangsa-mangsa dan petugas yang membantu di PPS tersebut. Turut hadir dalam lawatan tersebut ialah Ahli-ahli Majlis dan Pengarah-pengarah Jabatan MPHS. Pihak MPHS turut bersimpati atas bencana yang berlaku dan mendoakan semua mangsa diberikan ketabahan dalam menghadapi ujian tersebut.



KEMBARA MERDEKA

JALUR GEMILANG 2024

NEGERI SELANGOR



9 OGOS 2024 • HULU BERNAM. Program Kembara Merdeka Jalur Gemilang (KMJG) Peringkat Daerah Hulu Selangor yang bermula dari Hulu Bernam, singgah di Kuala Kubu Bharu seterusnya berakhir di Batang Kali. Program yang berkonsepkan konvoi anjuran Jabatan Penerangan Malaysia ini telah menjelajah ke seluruh semenanjung dan semalam ia tiba di Negeri Selangor melalui Daerah Hulu Selangor. Peserta konvoi yang kebanyakannya dari luar Hulu Selangor untuk melihat sendiri keunikan dan keharmonian yang ada di daerah kita dengan merentasi ketiga-tiga DUN di bawah Parlimen Hulu Selangor - Hulu Bernam, Kuala Kubu Bharu dan Batang Kali sebelum diserahkan kepada Daerah Gombak. Semangat perpaduan yang mantap di Hulu Selangor dengan mengetengahkan persembahan pelbagai kaum di daerah di samping kerjasama pelbagai agensi. Ucapan terima kasih kepada YB ADUN Kuala Kubu Bharu, Puan Pang Sock Tao, YDP Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Puan Juliah binti Jamaludin serta agensi-agensi daerah dan negeri yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi menayakan Program Kembara Merdeka Jalur Gemilang Peringkat Daerah Hulu Selangor.



SUMBANGAN KEPADA KONTINJEN SUKAN MALAYSIA (SUKMA) NEGERI SELANGOR - WUSHU DAN KARATE-DO

11 OGOS 2024 • DEWAN SUKAN TEMPUR, SHAH ALAM.

Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menyampaikan sumbangan kepada dua (2) Pasukan Angkat MPHS yang akan bertanding di SUKMA Sarawak 2024. Seramai 11 atlet bagi acara WUSHU dan 19 atlet bagi acara KARATE-DO akan mewakili Negeri Selangor untuk kejohanan SUKMA edisi kali ini. Acara Wushu akan berlangsung sepenuhnya di Kuching manakala acara Karate-Do berlangsung di Miri. Majlis penyerahan sumbangan telah disempurnakan oleh Yang Dipertua MPHS, YBRs, Puan Juliah binti Jamaludin bersama Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat MPHS, Puan Nurulhuda Ahmad binti Khairuddin. Bagi menyuntik semangat para atlet untuk membawa pulang pingat emas buat negeri Selangor. Kedua-dua pasukan telah menerima sumbangan berjumlah RM7,500.00 daripada pihak MPHS. Majlis yang berlangsung turut meyaksikan persembahan khas daripada kedua-dua sukan berkenaan.





LAWATAN KERJA KE LADANG TERNAKAN AYAM PENELUR

11 OGOS 2024 • HULU SELANGOR.

YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS telah mengadakan lawatan kerja ke ladang ternakan ayam penelur. Lawatan kerja tersebut turut disertai oleh Pengarah Jabatan Perancang Bandar, Pengarah Jabatan Pelesenan, Pengarah Jabatan Penguatkuasaan, Pengarah JPSPPA, wakil Jabatan Bangunan serta Ahli Majlis kawasan. Delegasi dari pihak MPHS telah disambut mesra oleh pihak syarikat. Sesi lawatan kerja tersebut dimulakan dengan sesi penerangan oleh pihak syarikat mengenai pengoperasian dan beberapa penambahbaikan yang akan dilaksanakan oleh pihak kilang. Sesi lawatan kerja diakhiri dengan melawat ke beberapa kawasan sekitar kilang bagi melihat keadaan sebenar pengoperasian di dalam kilang tersebut.



PERHIMPUNAN BULANAN MPHS SERU SEMARAKKAN BULAN KEMERDEKAAN

13 OGOS 2024 • DEWAN MERDEKA KUALA KUBU BHARU

Majlis Perbandaran Hulu Selangor menyahut seruan Kerajaan bagi melaksanakan **Kempen 1 Rumah 1 Jalur Gemilang (1R1JG)** dalam menyemarakkan amalan mengibarkan Jalur Gemilang sempena sambutan Bulan Kemerdekaan-67 pada tahun ini. Penyerahan bendera kepada berapa wakil Badan Pengurusan Bersama (JMB)/ Persatuan Penduduk (MC) dan Jawatankuasa Penduduk telah disampaikan oleh YBrs. Puan Julaihah Jamaludin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor di dalam Majlis Sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Bertemakan **Malaysia Madani Jiwa Merdeka** majlis ini dianjurkan bagi menzahirkan rasa kecintaan kepada negara dan menghayati makna kemerdekaan serta mengamalkan hidup bersatu padu antara kaum dalam menjadikan Malaysia sebuah negara maju dengan rakyat yang mempunyai jati diri dan integriti. Di dalam Majlis yang sama, penyerahan bendera turut diberikan kepada semua Ahli Majlis dan Pengarah serta Ketua Jabatan MPHS untuk dipasang di setiap jabatan serta premis-premis majlis khususnya. Turut hadir Orang Besar Daerah Hulu Selangor, Raja Dato' Muzaffar Raja Redzwa, Setiausaha MPHS, Tuan Awaluddin Zakaria, Ahli-ahli Majlis serta Pengarah dan Ketua Jabatan MPHS. YDP MPHS menyeru kepada seluruh warga Hulu Selangor untuk tunjukkan rasa bangga dan cintakan tanah air dengan memasang bendera di pejabat, kilang, rumah kedai, rumah ibadat, sekolah dan kediaman masing-masing dengan cara betul dan tidak menggunakan Jalur Gemilang yang lusuh serta koyak.



PENILAIAN

SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT) MPHS TAHUN 2024

19 OGOS 2024 • MPHS

Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah menerima kunjungan enam orang Ahli Pasukan Inspektorat Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) dari Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Jabatan Landskap Negara bagi melaksanakan penilaian serta penarafan bintang ke atas Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Ahli Pasukan Inspektorat terdiri daripada Encik Marthandan a/I Yathamaniam, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Inspektorat, Jabatan Kerajaan Tempatan, merangkap Ketua Pasukan. Dibantu oleh Puan Nur Adelina binti Ramli, Puan Aishatul Izwani binti Aminorlah, Encik Shaikh Ali bin Shaikh Mansoor, Puan Siti Athirah binti Ishak dan Encik Mohd Shafarin bin Shaari. Perasmian Pembukaan pada 8:30 pagi oleh Yang Dipertua, Puan Juliahah binti Jamaluddin dan mesyuarat penutupan diadakan pada pukul 5.00 petang. Turut dihadiri Pengarah Jabatan, Ketua Bahagian, Penyelaras SPB-PBT dan kakitangan Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Pasukan Inspektorat KPKT Malaysia, para pegawai dan kakitangan MPHS atas kerjasama serta komitmen sepanjang proses penilaian dijalankan.

Pasukan inspektorat telah membuat penilaian keatas 253 kriteria meliputi 4 aspek utama

- Pengurusan
- Perkhidmatan- perkhidmatan Teras
- Pengurusan Pelanggan
- Penyertaan Komuniti dan Pandangan Penduduk.



SESI TAKLIMAT PEMBANGUNAN DAERAH HULU SELANGOR BERSAMA YB ADUN KUALA KUBU BHARU

27 OGOS 2024 • MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR



Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) mengadakan satu sesi taklimat berkenaan Pembangunan Daerah Hulu Selangor bersama YB Pang Sok Tao, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Kuala Kubu Bharu. Pertemuan berlangsung bagi membentangkan beberapa projek pembangunan yang sedang rancak berlaku di daerah ini terutama di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Bharu dengan turut dihadiri pengarah-pengarah Jabatan MPHS. Antara taklimat yang disampaikan adalah berkaitan Pasar Awam Kuala Kubu Bharu, Pasar Awam Rasa, Gerai di Jalan Abdul Hamid, Kuala Kubu Bharu dan Tandus Bersih, Menawan dan Wangi (BMW) serta pintar. Sesi taklimat yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua MPHS, Juliahah Jamaludin itu turut menjadi ruang diskusi untuk berbincang berkaitan isu-isu dan masalah yang berlaku di kawasan sekitar. Pertemuan ini diharapkan dapat menghasilkan kerjasama yang baik di antara MPHS dan wakil rakyat dalam bersama-sama membangunkan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk daerah ini.





SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN **KE** PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2024

KONTINJEN MPHS MENYERTAI PERBARISAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-67

31 OGOS 2024 •
DATARAN KEMERDEKAAN, SHAH ALAM

Pelbagai acara menarik telah diadakan seperti perarakan dan perbarisan, persembahan pancaragam, persembahan Kombo Bandaraya, Persembahan Zeppo Youngsterz, Persembahan Pentomin oleh Pasukan PDRM, Persembahan Rope Rescue dan Motor RIM oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Persembahan OBUA (*Operation in Built Up Area*) oleh Rejimen Askar Melayu DiRaja, persembahan kebudayaan, pertunjukan bunga api dan sebagainya. Sambutan Hari Kebangsaan ke-67 Peringkat Negeri Selangor telah disempurnakan oleh YAB. Dato' Seri Haji Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor dengan suasana penuh patriotik dan diselubungi semangat perjuangan kemerdekaan. Menerusi acara perbarisan kontinjen MPHS telah membawa tema tradisional bermotifkan Negeri Selangor. Turut hadir pada majlis sambutan tersebut ialah YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Tuan Awaluddin bin Zakaria, Setiausaha Majlis Perbandaran Hulu Selangor serta Pengarah Jabatan MPHS.



SEMARAK MERDEKA

@TEMASYA JALANAN KUALA KUBU BHARU

31 OGOS 2024 • KUALA KUBU BHARU

Program yang diadakan bagi menyemarakkan semangat dan kemegahan sambutan Hari Kebangsaan ke-67. Program diisi dengan acara seperti Pertandingan Memasak Masakan Tradisional, Pertandingan Pakaian Beragam Kanak-kanak, Pertandingan Mewarna Batik, Pertandingan Congkak dan Pertandingan Nyanyian Lagu Patriotik dan persembahan seni bela diri Silambam oleh Persatuan Silambam Daerah Hulu Selangor. Program telah mendapat sambutan dengan dikunjungi oleh pelbagai lapisan masyarakat dari sekitar Kuala Kubu Bharu. YB ADUN Kuala Kubu Bharu, Puan Pang Sock Tao dan YDP MPHS Puan Julaihah Jamaludin turut hadir memeriahkan acara. Turut dilaksanakan edaran 200 keping kupon diskaun pembelian di gerai-gerai peniaga Temasya Jalanan. Program ini adalah program serampang dua mata iaitu untuk menyambut Hari

Kebangsaan Ke 67 di samping meriahkan lagi Temasya Jalanan Kuala Kubu Bharu yang diadakan setiap hari Sabtu. Penganjur bersama bagi Semarak Merdeka@Temasya Jalanan KKB ialah Ahli Majlis MPHS Zon 8, MPHS, Pusat Khidmat ADUN KKB, JPKK KKB dan peniaga-peniaga Temasya Jalanan KKB.



MAJLIS HI-TEA YDP MPHS BERSAMA KETUA-KETUA JABATAN DAERAH HULU SELANGOR

2 SEPTEMBER 2024 • KUALA KUBU BHARU



Seramai 33 Ketua Jabatan Daerah Hulu Selangor telah menghadiri Majlis Hi-Tea bersama Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor sebagai tanda komitmen yang tinggi jabatan-jabatan di daerah ini bersama MPHS. Majlis yang diadakan secara santai ini dianjurkan sebagai medium suai kenal bersama Yang Dipertua MPHS yang baharu Puan Julaihah Jamaludin yang telah dilantik berkuatkuasa 1 Ogos 2024 yang lalu. Pada masa yang



sama, ianya juga dijadikan sebagai platform untuk membincangkan isu-isu semasa yang berlaku di daerah ini. Di dalam majlis tersebut, Yang Dipertua MPHS turut menyampaikan ucapan ringkasnya merakamkan penghargaan kepada semua tetamu yang menghadiri majlis tersebut. Beliau berharap dengan penganjuran majlis ini hubungan kerjasama strategik yang lebih erat bersama agensi dan ketua jabatan daerah dapat diwujudkan dalam bersama-sama memberikan perkhidmatan yang terbaik terhadap pembangunan di daerah Hulu Selangor. Antara yang hadir adalah Pegawai Daerah Hulu Selangor, Yuhanas Auree Kamaruddin, Jurutera Daerah, Ts. Ahmad Faris Mohd Ghazali, Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, SUPT Ahmad Faizal Tahrim dan Setiausaha merangkap Timbalan Yang Dipertua MPHS, Awaluddin Zakaria.



Program HOST KOMUNITI TOURISM SELANGOR



4 SEPTEMBER 2024 •

KUALA KUBU BHARU.

Seramai 65 orang peserta daripada kalangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Pelancongan setiap negeri telah menyertai Program *Discovery of Local Community Host in Selangor*. Program yang bermula dengan lawatan ke Santuari Ikan Kelah Sungai Chiling, lawatan ke *Street Art & Heritage Walk*



KKB dan Galeri Sejarah Kuala Kubu Bharu dan seterusnya makan malam di Rumah Bonda Rozita di Batang Kali. Turut hadir bersama iaitu Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Puan Julaihah binti Jamaludin diiringi oleh Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat, Puan Nurulhuda Ahmad binti Khairuddin dan Pengarah Jabatan Perancang Bandar, Puan Azlina binti Mokhtar. Program *Discovery of Local Community Host in Selangor* ini merupakan kerjasama antara MPHS, *Tourism Selangor*, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) yang bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada agensi yang mewakili setiap negeri serta mempelajari pelancongan berasaskan komuniti di Negeri Selangor iaitu melalui program Hos Komuniti Setempat Selangor (HKSS).



MAJLIS PERASMIAN WYNDHAM GARDEN SHAHZAN FRASER HILL

5 SEPTEMBER 2024 • BUKIT FRASER

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Puan Julaihah binti Jamaludin telah menerima jemputan ke Majlis Perasmian Wyndham Garden Shahzan Fraser's Hill. Menjunjung kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang berangkat bercemar duli menyempurnakan Majlis Perasmian Wyndham Garden Shahzan Fraser's Hill.



PERTANDINGAN KECERIAN BULAN KEMERDEKAAN PERINGKAT ZON 5S MPHS

11 SEPTEMBER 2024 •
MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR

Pertandingan ini bertujuan untuk memupuk semangat patriotisme dan meningkatkan penghayatan terhadap nilai kemerdekaan dalam kalangan warga MPHS. Penilaian telah dilakukan oleh panel yang dilantik berdasarkan kreativiti, penggunaan elemen patriotik, serta penglibatan warga dalam aktiviti kemerdekaan. Tahniah kepada Zon Belladonna (Jabatan Penguatkuasaan) yang dinobatkan sebagai Johan, diikuti oleh Zon Bunga Raya (Naib Johan) dan Zon Mawar (Tempat Ketiga). Penyertaan yang penuh semangat ini diharapkan dapat diteruskan pada masa hadapan untuk menyemarakkan lagi rasa cinta terhadap tanah air.



Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menganjurkan program Kayuhan Raja Bukit Selangor @ Selangor King Of Mountain buat edisi yang Ke-9. Program SKOM adalah acara kayuhan basikal yang melalui jalan berbukit sepanjang 40KM bermula dari Kuala Kubu Bharu, Selangor dan berakhir di Bukit Fraser, Pahang. Laluan KKB - Bukit Fraser ini merupakan salah satu laluan yang sukar di Malaysia kerana bentuk muka buminya yang sentiasa dalam keadaan mendaki bukit serta memiliki selekoh yang tajam. Seramai **720 orang peserta** telah menyertai SKOM bagi edisi kali ini dengan melibatkan 15 kategori perlumbaan iaitu :-

- Road Bike - Men's Elite
- Road Bike - Men's Open
- Road Bike - Men's Junior Master
- Road Bike - Men's Master
- Road Bike - Men's Senior Master
- Road Bike - Women's Open
- Road Bike - Women's Junior Master
- Road Bike - Women's Master
- + Road Bike - Women's Senior Master
- + MTB - Men's Open
- + MTB - Men's Junior Master
- + MTB - Men's Master
- + MTB - Women's Open
- + Folding Bike - Men's Open
- + Folding Bike - Women's Open

Turut hadir di acara pelepasan peserta dan penyampaian hadiah, YBrs. Puan Juliah binti Jamaludin, Yang DiPertua MPHS. Bersama-sama YBrs. Tuan Awaluddin bin Zakaria, Setiausaha Merangkap Timbalan Yang DiPertua, MPHS. TPr. Gs. Azlina binti Mokhtar, Pengarah Perancang Bandar, MPHS, Puan Nurulhuda Ahmad binti Khairuddin, Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat, MPHS. Ahli-Ahli Majlis, MPHS serta Pegawai dari Tourism Selangor Sdn. Bhd.



TANDEM PARAGLIDING

15 SEPTEMBER 2024 • KKB PARAGLIDING PARK

Seramai 35 peserta kurang upaya penglihatan telah menyertai program Tandem Paragliding di bawah anjuran Persatuan Orang Buta Malaysia (MAB) seterusnya mencipta sejarah di dalam *Malaysia Book of Records*. Sebagai simbolik Hari Malaysia pada 16 September 2024, MAB mengambil peluang untuk menunjukkan potensi komuniti orang kurang upaya penglihatan dengan terlibat dalam sukan udara ekstrem yang diadakan di KKB Paragliding Park@Bukit Batu Pahat Kuala Kubu Bharu dibawah seliaan rakan strategik pelancongan daerah iaitu Cloud Bass. Tetamu jemputan turut dihadiri oleh

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Puan Juliah binti Jamaludin, YB Puan Anfaal binti Saari, Jawatankuasa Tetap Negeri Selangor, Datin Fauziah Mohd Ramly, Timbalan Presiden MAB serta Dato' George Thomas iaitu CEO MAB serta Encik Christopher Wong, CEO *Malaysia Books of Records*. Ucapan tahniah dan syabas diucapkan kepada para peserta diatas keberanian dan semangat anda. Hal ini turut membuktikan bahawa kekurangan bukanlah penghalang untuk mencapai sesuatu matlamat.



AUDIT PEMANTAUAN (2) MS ISO 9001:2015

1 OKTOBER 2024 • KUALA KUBU BHARU. Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah mengadakan sesi Audit Pemantauan (2) MS ISO 9001:2015. Sesi pengauditan telah melibatkan Penyelaras MS ISO, Ketua Dokumentasi, Pengurus Risiko dan Ketua Audit Dalam bagi Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015, MPHS. Antara jabatan yang diaudit adalah Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Landskap, Jabatan Bangunan, Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Khidmat Pengurusan, Bahagian Pesuruhjaya Bangunan, Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Perundangan Mesyuarat Penutupan Audit Pemantauan (2) MS ISO 9001:2015 telah dipengerusikan oleh Puan Juliah binti Jamaluddin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor dan turut hadir bersama Pengarah Jabatan/Ketua Bahagian serta wakil-wakil jabatan/bahagian. Hasil pengauditan, MPHS telah berjaya mengekalkan Sijil MS ISO 9001:2015 tanpa sebarang ketakakuran dengan beberapa peluang penambahbaikan.



PETRONAS le tour de Langkawi Malaysia



2 OKTOBER 2024 • KUALA KUBU BHARU.

Majlis Pelepasan Peringkat 4 Petronas Le Tour de Langkawi 2024 telah berlangsung di Bandar Kuala Kubu Bharu. Yang Berhormat Tuan Mohd Najwan bin Halimi, EXCO Belia, Sukan & Keusahawanan Negeri Selangor, hadir bagi acara pelepasan bagi peringkat ke-4. Turut hadir bersama Yang Berhormat Puan Pang Sock Tao, Ahli Dewan Undangan Negeri Kuala Kubu Bharu, YBrs. Tuan Yuhanas Auree bin Kamaruddin, Pegawai Daerah Hulu Selangor, YBrs. Puan Julaihah binti Jamaluddin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, serta Ahli-Ahli Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Majlis turut dimeriahkan dengan persembahan kebudayaan tradisional tempatan. Para pelumba telah menguji ketahanan dan kepantasan mereka sepanjang laluan sejauh **131.2KM dari Kuala Kubu Bharu ke Bentong** melibatkan tiga zon pecutan yang mendebarkan di Raub, Sungai Ruan dan Sungai Klau.





KARNIVAL ALAM SEKITAR

NEGERI SELANGOR 2024

13 OKTOBER 2024 • DATARAN TASIK MILENIUM



Bertempat di Dataran Tasik Milenium telah berlangsung Program Sambutan Ulang Tahun Perbandaran ke-3 Majlis Perbandaran Hulu Selangor bersempena Majlis Karnival Alam Sekitar yang telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj. Turut hadir YB Puan Julaihah binti Jamaludin, EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar, YAD Engku Orang Kaya Maha Bijaya Hulu Selangor, Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa, Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), YB Puan Pang Sock Tao, ADN Kuala Kubu Bharu, YBrs. Tuan Yuhanas Auree bin Kamaruddin, Pegawai Daerah Hulu Selangor dan YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS. Sempena sambutan ini DYTM Tuanku berkenan memotong pulut kuning sebagai simbolik sambutan ulang tahun ke-3 MPHS yang telah naik taraf sebagai perbandaran pada 21 Oktober 2021. Sambutan ini bertujuan diadakan sebagai tanda penghargaan kepada kepada warga Hulu Selangor yang turut sama menyumbang kepada kejayaan MPHS sehingga berjaya dinaiktaraf sebagai perbandaran. Pada masa yang sama memberi peluang kepada penduduk Hulu Selangor untuk melakukan aktiviti bersama keluarga. Pelbagai aktiviti menarik telah disediakan kepada pengunjung yang hadir antaranya pertandingan memasak, mewarna, Teh Tarik 'Duo', anyam ketupat, sepak raga, dam aji, boling kelapa dan tuju tin. Terima kasih kepada semua warga Hulu Selangor yang telah turut hadir memeriahkan majlis. Semoga MPHS terus cemerlang pada masa akan datang dan dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada warga Hulu Selangor.



9TH SELANGOR SMART CITY & DIGITAL ECONOMY CONVENTION

SDEC 2024

16 OKTOBER 2024 • PUSAT KONVENSyen KUALA LUMPUR (KLCC)

Konvensyen Bandar Pintar dan Ekonomi Digital Selangor (SDEC) 2024 telah melabuhkan tirainya selama 4 hari telah dihadiri oleh YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. urut hadir bersama pegawai dari Jabatan Perancang Bandar MPHS. Yang Dipertua juga turut melawat reruai pameran serta menyantuni para pempamer PBT Selangor di sini. YB. Tuan Ng Sze Han, Exco Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti Negeri Selangor telah merasmikan Majlis Penutupan yang berlangsung di Planetary Hall, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).



Majlis Bacaan يَسِينُ

16 OKTOBER 2024 • KEDIAMAN RASMI YDP, MPHS. Majlis bacaan yassin ini telah dihadiri oleh kakitangan Majlis. Majlis ini diadakan bagi mengeratkan hubungan silaturahim di antara kakitangan bersama Yang Dipertua.



PROGRAM MENEMBAK GAGAK SIRI 3 / 2024



20 OKTOBER 2024 • BUKIT BERUNTING

Operasi Menembak Gagak Siri 3 yang dianjurkan oleh Majlis Perbandaran

Hulu Selangor (MPHS) telah berjaya menembak sebanyak **1,685** ekor burung gagak di sekitar kawasan Hulu Selangor. Program ini telah dilancarkan oleh Yang Dipertua MPHS, Puan Julaihah binti Jamaludin dengan penyertaan **17 penembak** gagak berdaftar. Matlamat utama operasi ini adalah untuk memastikan populasi burung gagak, yang dikenali sebagai haiwan perosak dan kacau ganggu, berada pada tahap terkawal. Peningkatan populasi burung gagak boleh membawa kepada pelbagai masalah seperti gangguan bunyi, kerosakan pada tanaman dan harta benda, serta risiko penyebaran penyakit yang boleh menjejaskan kesihatan awam dan mencemar estetica kawasan. Antara punca utama pembiakan burung gagak adalah pengurusan sisa makanan dan sampah yang tidak sempurna. Sisa makanan yang terbiar menjadi sumber makanan yang melimpah bagi burung gagak, menyebabkan populasi mereka meningkat saban hari. Aktiviti manusia seperti pembuangan sampah merata-rata turut menyumbang kepada masalah ini.

MPHS juga merancang untuk mengadakan kempen kesedaran dan program pendidikan bagi meningkatkan pemahaman masyarakat mengenai kepentingan mengawal populasi burung gagak. Dengan kerjasama dan komitmen semua pihak, kita dapat memastikan persekitaran Hulu Selangor bebas dari kacau ganggu burung gagak.



Seruan kepada Komuniti:

- Mengamalkan Pengurusan Sampah yang Baik: Gunakan tong sampah bertutup dan pastikan sampah dibuang dengan cara yang betul.
- Tidak Membuang Sampah Merata-rata: Amalan ini bukan sahaja mencemarkan alam sekitar tetapi juga menyediakan sumber makanan kepada burung gagak.
- Melaporkan Sarang Gagak: Laporkan kepada pihak berkuasa jika menemui sarang burung gagak di kawasan perumahan atau tempat awam.





MPHS DIKTIRAF SEBAGAI BANDAR PALING MAMPAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA

20 OKTOBER 2024 • AMPANG JAYA. Sekali lagi MPHS telah dinobatkan sebagai **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kategori Perbandaran/Daerah Terbaik** bagi Penghargaan Bandar Paling Mampan 2024 Peringkat Negeri Selangor berdasarkan kepada pencapaian dalam Pelaksanaan Jaringan Penunjuk Bandar Mampan Bandar - Luar Bandar (MURNinets). Majlis berlangsung sempena Majlis Perasmian Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Selangor Tahun 2024. Majlis telah disempurnakan oleh DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibnu Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj. Turut berangkat bersama pada majlis ini DYMM Tengku Permaisuri Hajah Norashikin, Tengku Permaisuri Selangor. Ybrs. Puan Julaihah Jamaludin, Yang Dipertua MPHS hadir menerima anugerah tersebut. MPHS menerima Sijil, Trofi dan Wang berjumlah **RM 10,000.00**. Turut menerima Anugerah Bandar Mampan Terbaik Kategori PBT Bandaraya adalah Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).



#HPBS2024

PERINGKAT
NEGERI
SELANGOR

Tazkirah Perdana

21 OKTOBER 2024 • MASJID AR-RAHIMAH, KUALA KUBU BHARU. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yasin dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Al-Fadhil Ustaz Ahmad Naemmuddeen bin Adnan, Imam Rawatib Masjid Jamek Ar-Rahimah Kuala Kubu Bharu dengan dihadiri Ahli Majlis, pegawai dan kakitangan MPHS. Hadir sama Penolong Setiausaha MPHS, Encik Shaiful Rizza bin Haji Piamin, Yang Amat Dihormati Orang Kaya Mahabijaya Hulu Selangor Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa, barisan Ahli Majlis, Pengarah dan Ketua Jabatan MPHS. Majlis diteruskan dengan Tazkirah Perdana bertajuk "**Perbandaran & Komuniti Indah Dalam Islam**" yang telah disampaikan oleh penceramah jemputan, Ustaz Nabil bin Ahmad, Pengurus Pematuhan Syariah TV Al-Hijrah. Antara perkongsian yang telah disampaikan ialah berkaitan amalan-amalan dan contoh teladan dalam Sirah Nabi SAW yang boleh dilaksanakan bagi membentuk sebuah perbandaran dan komuniti indah dalam Islam. Pengisian yang ringkas dan cara penyampaian yang bersahaja berjaya menyentuh sanubari dan dapat mencuit hati hadirin yang hadir mendengar kisah-kisah yang dikongsi.



LAWATAN KERJA JAWATANKUASA OSC PERANCANG PEMBANGUNAN MPHS DAN JAWATANKUASA MAMPAN HULU SELANGOR KE MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS

23 OKTOBER 2024 • PERLIS

Jawatankuasa OSC Perancang Pembangunan MPHS dan Jawatankuasa Mampan Hulu Selangor telah mengadakan lawatan kerja ke Majlis Perbandaran Kangar, Perlis. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk berkongsi maklumat, bertukar pandangan serta mempelajari amalan terbaik yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Kangar dalam aspek perancangan pembangunan dan pengurusan mampan.



Konvensyen PIHAK BERKUASA TEMPATAN 2024 SINERGI MADANI PERKUKUH PBT

26 OKTOBER 2024 •
DEWAN SIVIK, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA



Konvensyen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 2024 bertemakan "Sinergi MADANI, Perkukuh PBT" anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah berlangsung di Dewan Sivik, Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Konvensyen PBT menjadi platform yang memberi peluang kepada semua peserta berkongsi pengalaman, kemahiran dan berbincang untuk mencari pendekatan penyelesaian yang inovatif serta kreatif bagi isu-isu yang melibatkan pengurusan dan tanggungjawab Konvensyen PBT adalah selaras dengan lapan fokus utama KPKT untuk memperkasa peranan dan potensi PBT dalam agenda penyampaian perkhidmatan kerajaan tempatan yang beramanah, bersih, cekap dan berdisiplin. MPHS menyertai Reruai pameran sempena konvensyen ini. Konvensyen dihadiri oleh Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS, Tuan Awaluddin bin Zakaria, Setiausaha, merangkap Timbalan YDP MPHS, Encik Puanesvaran a/l Patchimuthu, Ahli Majlis MPHS, Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersih Awam serta Ketua Bahagian Korporat. Anugerah Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2024 turut diberikan kepada 3 PBT terbaik bagi kategori Daerah, Perbandaran dan Bandaraya.



MPHS berjaya mengekalkan ★★★★★ bagi Anugerah Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) tahun 2024.





HPBS 2024

28 OKTOBER 2024 • PUTRAJAYA

Majlis Perbandaran Hulu Selangor sekali lagi melakar sejarah setelah dinobatkan sebagai Bandar Paling Mampan 2024 di dalam *Malaysia Urban Planning Awards (MUPA2024)*. Majlis telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Hadir sama pada majlis tersebut YBhg. Datuk Wira M Noor Azman Taib, Ketua Setiausaha, KPKT serta YBrs. Datuk TPr. Dr. Alias Rameli, Ketua Pengarah Perancangan



Bandar dan Desa sempena sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 yang telah diadakan di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya. Hadir bagi menerima pengiktirafan ini Ybrs. Puan Julaihah Jamaludin, Yang Dipertua MPHS. Turut hadir TPr. Gs. Azlina Mokhtar, Pengarah Perancang Bandar bersama pegawai dari Jabatan Perancang Bandar MPHS. Tahniah kepada warga kerja MPHS serta warga penduduk Hulu Selangor dalam menyokong dan membantu dalam menjadikan Hulu Selangor sebagai sebuah Bandar Mampan. Semoga status Bandar Mampan ini akan terus kekal untuk masa akan datang.



KUNJUNGAN DARI ULSAN METROPOLITAN CITY NAM-GU COUNCIL, KOREA SELATAN

28 OKTOBER 2024 • KUALA KUBU BHARU. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menerima kunjungan dari Ulsan Metropolitan City Nam-Gu Council, Korea Selatan bagi sesi pembentangan dan perkongsian mengenai pengurusan organisasi serta aktiviti Eko-Pelancongan di Daerah Hulu Selangor. Pembentangan telah disampaikan oleh YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor kepada seramai 10 orang deligasi dari Ulsan Metropolitan City Nam-Gu Council yang diketuai oleh Mr. Sang Gi Lee, Pengerusi Ulsan Metropolitan City Nam-Gu Council. Beliau juga ada menyatakan bahawa pihak Korea Selatan memiliki hubungan yang sangat baik dengan Malaysia terutamanya selepas kejadian perang dunia ke-2, di mana kedua-dua negara saling membantu untuk memulihkan ekonomi negara ketika itu. Turut hadir bersama, YBrs. Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang DiPertua, MPHS. Ahli-Ahli Majlis serta Pengarah-Pengarah Jabatan Majlis Perbandaran Hulu Selangor bagi menyambut kedatangan deligasi dari Korea Selatan tersebut.



Perhimpunan Bulanan MPHS

29 OKTOBER 2024 •
DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU

Tujuan perhimpunan ini adalah untuk Yang Berbahagia Puan Julaihah binti Jamaludin, A.M.S, Puan Yang Dipertua MPHS menyampaikan amanat kepada seluruh Warga Kerja MPHS. Turut hadir adalah Yang Berusaha Tuan Awaluddin bin Zakaria, A.M.S, Setiausaha merangkap Timbalan Yang Dipertua MPHS,



Tahun 2024 Sempena Konvensyen Pihak Berkuasa Teampatan (PBT) 2024 serta Penyampaian Sijil Pemenang Menti Terbaik Peringkat Negeri Selangor semasa Program Pementoran Peringkat Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Pengarah-pengarah Jabatan dan Ketua-ketua Bahagian di MPHS. Perhimpunan ini dikejutkan dengan majlis memotong kek Sempena 3 Tahun Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Puan Yang Dipertua dan Tuan Setiausaha berbesar hati memenuhi hajat warga kerja untuk memotong kek ulang tahun tersebut. Semoga Hulu Selangor Terus Maju. Bahagian Pusat Setempat (OSC) yang menjadi Hos Perhimpunan telah membuat penampilan istimewa dengan memakai pakaian baju tradisi masyarakat India dan hiasan bertemakan Sambutan Hari Deepavali. Hos Perhimpunan turut memeriahkan acara dengan persembahan iringan gendang dan juga tarian bagi meraikan Warga Kerja MPHS yang akan menyambut Deepavali. Persembahan ini memaparkan suasana kehidupan harmoni masyarakat Malaysia Madani. YBrs. Encik Mohd Razaini bin Ishak, Ketua Bahagian Pusat Setempat (OSC) MPHS mengambil peluang di dalam ucapan alu-aluan beliau sebagai Hos untuk menerangkan latar belakang, aktiviti dan prestasi terkini OSC MPHS. Acara seterusnya bersama Tuan Setiausaha adalah Bacaan Ikrar Alam Sekitar, Penyampaian Plak dan Sijil Anugerah Bandar Paling Mampan 2024 Sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri dan Peringkat Kebangsaan yang diterima baharu-baharu ini, Penyampaian Sijil dan Plak Pengiktirafan 5 Bintang Bagi Anugerah Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan



MAJLIS SERAH PASAR AWAM, GERAI DAN TAPAK PENJAJA TAMAN BUNGA RAYA

30 OKTOBER 2024 •
PASAR AWAM, TAMAN BUNGA RAYA



Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) menerima serahan Kompleks Pasar dan Gerai Moden Taman Bunga Raya daripada MK Land Holdings Berhad (MK Land) di dalam satu majlis penyerahan projek bina dan serah. Penyerahan projek telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Operasi Kumpulan MK Land, Ahmad Soalahuddin Al-Thani Ahmad Termizi kepada Setiausaha MPHS, Awaluddin Zakaria dengan disaksikan oleh YAD Engku Orang Kaya Maha Bijaya Hulu Selangor, Raja Dato' Muzaffar Raja Redzwa dan Penyelaras DUN Batang Kali, Saifuddin Safi. Majlis penyerahan ini juga turut diserikan dengan kehadiran Ahli Majlis MPHS, pengarah-pengarah MPHS, wakil jabatan teknikal daerah Hulu Selangor dan pegawai-pegawai teknikal dalam MPHS. Terletak dalam perbandaran Taman Bunga Raya, fasiliti baharu ini



menambah lagi infrastruktur berpusatkan komuniti yang telah dibangunkan sejak perbandaran ini dibangunkan pada tahun 1996. Direka untuk menawarkan keseimbangan antara perumahan kos rendah, kos sederhana dan pasaran terbuka. Taman Bunga Raya kini didiami oleh lebih kurang 4,500 penduduk dengan kapasiti jangkaan untuk menampung sehingga 70,000 penduduk apabila Pembangunan selesai sepenuhnya. Di bawah dasar bina dan serah ini, melalui kelulusan pindaan Kebenaran Merancang (KM) di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Perancangan dan Pembangunan Bil.13 Tahun 2020 dimana pihak MK Land Holding Berhad telah disyaratkan untuk merekabentuk, membina dan serah dewan, pasar, gerai dan tapak penjaja Taman Bunga Raya kepada MPHS. MPHS amat gembira dan mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak MK Land kerana telah siap membina 16 unit gerai makanan, 4 unit gerai runcit, 20 unit petak pasar dan 130 petak penjaja di kawasan kemudahan awam taman ini. Dengan komitmen yang baik diberikan oleh pihak pemaju dalam memenuhi dan mematuhi syarat yang ditetapkan, kelulusan Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) telah dikeluarkan pada 8 Oktober 2024 yang lalu. Kemudahan ini adalah sedikit sebanyak dapat memberi peluang kepada penduduk-penduduk Taman Bunga Raya untuk berniaga dan meningkatkan ekonomi keluarga, terutamanya kepada peniaga-peniaga yang terkesan dengan operasi perobohan yang melibatkan 43 unit premis tanpa kebenaran majlis di sekitar kawasan Taman Bunga Raya pada tahun 2020.



SESI TOWNHALL TAPAK PENJAJA TAMAN BUNGA RAYA



12 NOVEMBER 2024 • BUKIT BERUNTUNG. Jabatan Pelesenan MPHS telah mengadakan Sesi Townhall Tapak Penjaja kepada peniaga di kawasan ini. Kehadiran penjaja seramai 116 orang bagi pengisian dan penghantaran borang untuk mendapatkan tapak penjaja di Taman Bunga Raya. Turut hadir pada majlis tersebut Encik Kamaruzzaman bin Abdul Rahman (Pengarah Jabatan Pelesenan MPHS) dan Encik Ahmad Zuraimi bin Abdul Rahman (Pengurus Jabatan Khidmat Sokongan Medan Prestasi Sdn Bhd). Sesi taklimat diberikan kepada penjaja berkaitan pematuhan syarat penjaja, kepentingan menjaga kebersihan dan kepentingan pelaksanaan bebas beg plastik berdasarkan seruan daripada Kerajaan Negeri Selangor. Tapak penjaja tersebut akan diuruskan sepenuhnya di bawah Jabatan Pelesenan MPHS. Kamaruzzaman berkata setiap penjaja perlu menanamkan sikap menjaga kebersihan dalam mengendalikan makanan dan juga kebersihan kawasan tapak yang baharu supaya dapat memberi keselesaan kepada pengunjung. Sekali lagi ditekankan kepada semua penjaja dan pembantu bagi perniagaan jenis makanan/minuman, wajib mempunyai suntikan typhoid (TY2) dan juga sijil kursus pengendalian makanan yang diiktiraf.



LAWATAN PEMERIKSAAN KE PROJEK HIDROKUASA KECIL SUNGAI BATANG KALI OLEH TETUAN WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD



16 NOVEMBER 2024 • BATANG KALI

Satu lawatan pemeriksaan telah diadakan ke atas Projek Hidrokuasa Kecil Sungai Batang Kali. Lawatan ini diketuai oleh Puan Yang Dipertua MPHS, Puan Juliahah Binti Jamaludin dan turut disertai oleh Pengarah Jabatan Perancang Bandar, TPr Gs. Azlina Binti Mokhtar, Pengarah Jabatan Bangunan, En. Md Rizal Bin Mohd Sofian @ Abd. Karim serta wakil Jabatan Kejuruteraan. Tujuan lawatan ini dijalankan bagi melihat kemajuan projek serta memeriksa pematuhan pemaju kepada syarat-syarat teknikal yang telah diberikan semasa kelulusan pelan pemajuan. Untuk rekod Projek Hidrokuasa Kecil Sungai Batang Kali ini dilaksana oleh Tetuan Worldwide Holdings Berhad di bawah agenda tenaga diperbaharu.



FIESTA MAKANAN WARISAN SELANGOR

17 NOVEMBER 2024 • PANTAI BAGAN LALANG, SEPANG

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin telah berkenaan mencemar duli menyempurnakan Majlis Perasmian Festival Makanan Warisan Selangor anjuran Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kebudayaan, Adat Istiadat Melayu dan Warisan dengan Kerjasama Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor. Turut dihadiri oleh YB Datuk Borhan bin Aman Shah, EXCO Perumahan dan Kebudayaan, YABhg. Datin Seri Masdiana binti Muhamad, Isteri YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Orang Besar Daerah dan ketua-ketua jabatan Kerajaan Negeri Selangor. Majlis Perbandaran Hulu Selangor dan Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor telah berjaya dinobatkan sebagai juara Pertandingan Pavilion Terbaik dengan menampilkan makanan warisan Hulu Selangor iaitu Tart Bengkulu, Bebotok dan Kelamai. YBrs. Puan Julaihah Binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS turut hadir menerima sijil penghargaan sekaligus memeriahkan festival tersebut. Festival yang berkonsepkan makanan warisan telah disertai oleh 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertujuan untuk memperkenalkan kepada masyarakat umum terutamanya generasi muda mengenai kepelbagaian makanan warisan dari pelbagai etnik di Selangor khususnya di daerah Hulu Selangor. Daerah Hulu Selangor menyediakan menu popular di daerah seperti Tat Bengkulu, Bebotok, Bongkok dan Lemang Kelamai.




PERTANDINGAN INOVASI MALA 3.0 PIALA YB MENTERI KPKT 2024-2025



22 NOVEMBER 2024
BENTONG, PAHANG



Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah menyertai Pertandingan Inovasi MALA 3.0 Piala YB Menteri KPKT 2024-2025 yang diadakan di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Majlis Perbandaran Bentong. Untuk pertandingan kali ini, MPHS telah menghantar dua kumpulan inovasi iaitu kumpulan **Nova Tech** yang mana ahli kumpulannya terdiri daripada kakitangan Bahagian Korporat, Jabatan Pelesenan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dan Bahagian Teknologi Maklumat serta satu lagi kumpulan iaitu kumpulan **Aspire** daripada Jabatan Penguatkuasaan. Pada pusingan kali ini sebanyak 67 kumpulan inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari seluruh Malaysia telah mengambil bahagian. Hanya 30 pasukan terbaik akan layak ke pusingan kedua yang dijadualkan pada April 2025. Semoga Kumpulan Nova Tech dan Aspire berjaya mara ke peringkat seterusnya.



MAJLIS MAKAN MALAM KEBUDAYAAN PJIYLC

23 NOVEMBER 2024 • PETALING JAYA

Tahniah dan syabas kepada para pelajar Sekolah Menengah yang terpilih mewakili Daerah Hulu Selangor yang menyertai 'Petaling Jaya International Youth Leadership Camp 2024' (PJIYLC) yang merupakan program di peringkat antarabangsa. Penyertaan peserta ini adalah dengan kerjasama dari PPD Hulu Selangor. MPHS telah menghantar seramai 12 orang peserta yang melibatkan 10 Orang Pelajar dan 2 Orang Pengiring. Program yang berlangsung selama 7 hari bermula dari 19-25 November 2024 yang lalu bertempat di Petaling Jaya. Ybrs. TPr. Gs. Azlina binti Mokhtar telah menyampaikan amanat dan turut memberikan taklimat ringkas kepada para peserta berkenaan program tersebut. Selain dari Hulu Selangor, peserta dari Kuala Terengganu, Kuching Utara, Kuching Selatan serta Petaling Jaya menyertai program ini. Manakala peserta antarabangsa dari Seongbuk-gu (Korea Selatan), Asan (Korea Selatan), Miyoshi (Jepun), Qingyuan (China), Kota Bandung (Indonesia). MPHS berharap Kem Kepimpinan Muda ini dapat membentuk jati diri dan berpotensi untuk menjadi generasi pemimpin masa hadapan yang cemerlang seterusnya menyokong Matlamat Pembangunan Mampian (SDG) Ke 4 iaitu Pendidikan Berkualiti.



SELANGOR AGROGREEN HULU SELANGOR 2024

24 NOVEMBER 2024 • KALUMPANG. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, YBrs. Puan Juliah Jamaludin telah hadir merasmikan program anjuran Pejabat Pertanian Hulu Selangor & Pusat Latihan Pertanian Kalumpang. Program ini bukan sahaja bertujuan untuk mempromosikan kesedaran dan pendidikan dalam bidang pertanian, tetapi juga untuk mempererat hubungan antara pelbagai pihak yang terlibat, termasuk petani, pengusaha dan pengguna. Ini adalah satu platform yang sangat baik untuk berkongsi pengetahuan, pengalaman, dan amalan terbaik dalam bidang pertanian. Puan YDP turut menyampaikan ucapan tahniah kepada TKPM Hulu Yam di atas kejayaan cemerlang yang mana telah dinobatkan sebagai penerima **Anugerah Pencapaian Hasil Pengeluaran Projek TKPM tertinggi bagi Tahun 2023 dan 2024 di peringkat Jabatan Pertanian Malaysia**. Untuk rekod pengeluaran sayur di Daerah Hulu Selangor adalah **tertinggi** di Lembah Klang dengan hampir **60%** jumlah pengeluaran iaitu **14,164** tan setakat Oktober 2024.



PERHIMPUNAN BULANAN MPHS

26 NOVEMBER 2024 • DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU. Perhimpunan bulanan kali ini telah dihoskan oleh Jabatan Kejuruteraan yang dihadiri oleh Yang berbahagia Puan Juliah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS, YBrs Tuan Awaluddin bin Zakaria, Setiausaha MPHS, Puan Sharifah binti Atan, Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MPHS, Pengarah-Pengarah Jabatan, Ketua- Ketua Bahagian dan warga kerja Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Amanat dan perutusan disampaikan oleh YBrs. Puan Juliah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS. Dalam ucapannya beliau mengingatkan warga kakitangan agar sentiasa menjaga nama baik MPHS dan berharap semua dapat menggalas tanggungjawab dengan amanah. Bersempena tema Hari Lelaki Sedunia yang mula di sambut pada 19 November 1992, Beliau juga mengucapkan tahniah diatas jasa dan perjuangan para lelaki dalam menghadapi cabaran masa kini tidak juga lupa peranan wanita tidak kurang dan sama dengan lelaki. Beliau juga mengingatkan dalam membelanja wang kerajaan, sesuatu projek yang dilaksanakan hendaklah memberikan impak positif kepada masyarakat. Disamping itu mengucapkan tahniah kepada Jabatan Kejuruteraan MPHS diatas usaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat khususnya Penduduk Hulu Selangor. Dalam majlis ini turut disampaikan sijil penghargaan di atas usaha menyiapkan laporan "Voluntary Local Review" MPHS 2023 yang telah di lancarkan oleh Dato' Menteri Besar Selangor sempena World Urban Forum ke 12 di Cairo, Egypt kepada Tpr. Gs. Puan Azlina Mokhtar, Pengarah Jabatan Perancang MPHS.



Majlis Makan Malam

PENGIKTIRAFAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH KONVENSYEN ICC/KIK MALAYSIA TAHUN 2024



27 NOVEMBER 2024 • KUALA LUMPUR. Majlis diadakan bagi meraikan para penggiat inovasi yang menyertai Konvensyen ICC/ KIK Malaysia tahun 2024. Sebanyak 50 kumpulan daripada pelbagai sektor telah menyertai konvensyen pada tahun ini. Kumpulan **Nova Tech** yang mewakili MPHS telah dianugerahkan **Anugerah Emas 2 Bintang** semasa majlis makan malam pengiktirafan dan penyampaian hadiah tersebut. **Syabas dan tahniah** diucapkan kepada kumpulan.



LAWATAN MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT DAN MAJLIS DAERAH TAMPIN



3 DISEMBER 2024 • HULU SELANGOR. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menerima kunjungan daripada 2 delegasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Perbandaran Segamat, Johor dan Majlis Daerah Tampin, Negeri Sembilan. Delegasi Majlis Perbandaran Segamat telah diketuai oleh Yang DiPertua, Tuan Haji Mohd Helmi bin Dato' Haji Sha'ri@Shangari bersama 40 orang kakitangan. Manakala, Delegasi Majlis Daerah Tampin turut diketuai oleh Yang DiPertua, Puan Suriani binti Salihan bersama 35



orang kakitangan. Turut hadir bersama, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Puan Julaihah binti Jamaluddin diiringi oleh Puan Saripah binti Bakar, Ahli Majlis Zon Kuala Kubu Bharu bersama-sama pengarah - pengarah jabatan Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Lawatan yang bermula dengan sesi perkongsian ilmu oleh Majlis Perbandaran Hulu selangor diteruskan dengan lawatan ke Lorong Seni & Pelancongan Kuala Kubu Bharu, Empangan Sungai Selangor, Lentooy by Kedai Melissa dan berakhir di Rumah Sungai Bonda Rozita, Batang Kali. Lawatan ini diadakan bertujuan untuk berkongsi ilmu mengenai **3 teras utama** eko-pelancongan di Hulu Selangor iaitu **Inap Dusun, Rakan Strategik Pelancongan Daerah (RSPD) dan aktiviti sukan lasak**. Perkongsian ilmu ini diharap sedikit sebanyak dapat membantu pihak yang terlibat dalam memajukan eko-pelancongan di daerah masing-masing.



MESYUARAT SEMAKAN PIAGAM PELANGGAN

3 DISEMBER 2024 • KUALA KUBU BHARU. Bahagian Korporat MPHS telah mengadakan Mesyuarat Semakan Piagam Pelanggan Jabatan/Bahagian/Unit di Majlis Perbandaran Hulu Selangor bertujuan membuat semakan piagam pelanggan dan juga mengemaskini tindakan pemuliharaan jabatan bagi memastikan piagam pelanggan tercapai seperti mana yang disasarkan. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Puan Junainah binti Abdullah, Ketua Bahagian Korporat ini dihadiri oleh 19 orang penyelarass piagam pelanggan di setiap Jabatan/Bahagian/Unit MPHS.



TAKLIMAT HARTA INTELEK



3 DISEMBER 2024 • KUALA KUBU BHARU. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah mengadakan satu sesi taklimat berkaitan harta intelek bersama pihak Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Taklimat ini diadakan sebagai pendedahan kepada peserta berkaitan kepentingan perlindungan harta intelek dalam inovasi. Taklimat yang telah disampaikan oleh Encik Muhammad Helmi Khalid, Pegawai Harta Intelek ini dihadiri oleh 17 orang penyelaras inovasi di setiap Jabatan MPHS. Semoga dengan taklimat ini, peserta boleh memanfaatkan pengetahuan yang disampaikan seterusnya dapat dikongsi bersama ahli kumpulan inovasi di jabatan masing-masing.



TAKLIMAT PROGRAM PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN QE5.0

5 DISEMBER 2024 • MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR

Sesi Taklimat berkaitan Program Pembangunan Dan Pelaksanaan QE 5.0 bersama pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah diadakan untuk memperkenalkan *Quality Environment 5.0 (QE5.0)* oleh MPC kepada Majlis Perbandaran Hulu Selangor yang melaksakan program tersebut. Program QE 5.0 yang direka untuk meningkatkan produktiviti dan kelestarian melalui pengurusan moden dan amalan hijau. Dengan menggabungkan pengurusan lean, teknologi pintar, dan inisiatif lestari, QE5.0 membuka jalan ke arah masa



depan yang lebih hijau dan cekap. Taklimat yang disampaikan oleh Pihak MPC terdiri daripada Encik Mokhzani Aris Mohd Yusoff (Timbalan Pengarah MPC), Hj. Zaki Jaafar, Encik Sabri Hasan dan Puan Ati Djam Seri Montoi dihadiri oleh Encik Mohd Norazif bin Ahmad Tamsis, P.P.T (Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan), Puan Junainah binti Abdullah (Ketua Bahagian Korporat merangkap Penyelaras 5S), Jawatankuasa Induk 5S, wakil Juruaudit Kualiti Dalaman serta wakil Penyelaras Zon 5S.

BENGGKEL FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD)

5 DISEMBER 2024 • GENTING HIGHLANDS



Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah mengadakan satu Bengkel *Focus Group Discussion (FGD)* bagi Pembangunan Pelan Tindakan Bandar Rendah Karbon Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) bertempat di SCAPES Hotel Genting Highlands. Bengkel ini dilaksanakan dengan usahasama pihak Malaysia Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) selaku agensi pelaksana dalam pembangunan pelan tindakan ini. Bengkel ini telah menghimpunkan seramai 54 orang peserta terdiri daripada Pengurusan Tertinggi MPHS, Ahli Majlis MPHS, Pengarah dan Ketua Bahagian MPHS, Ikon Hijau MPHS, Agensi Kerajaan Peringkat Daerah, Pemain Industri dan Institusi di Daerah Hulu Selangor. Bengkel telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Awaluddin bin Zakaria, Setiausaha Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Turut hadir pada bengkel ini YBrs. TPr. Gs. Azlina binti Mokhtar, Pengarah Jabatan Perancang Bandar, MPHS selaku urusetia Program Bandar Rendah Karbon MPHS. Bengkel telah dikendalikan oleh Pasukan Kerja MGTC yang diketuai oleh Ybros. Encik Muhd Fendi bin Mustafa, Pengurus Sustainable Cities, Climate Action Division MGTC. Fokus kepada bengkel hari ini adalah bagi membincangkan isu yang terkait dan solusi yang akan diterjemahkan dalam pembangunan Pelan Tindakan



Bandar Rendah Karbon yang merangkumi objektif, strategi dan tindakan yang akan dilaksanakan dalam mengurangkan kadar pelepasan karbon di Daerah Hulu Selangor selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030. MPHS berharap segala input yang diberikan oleh peserta pada bengkel ini dapat dijadikan permulaan dalam mempertingkatkan kerjasama dan perkhidmatan yang diberikan oleh semua agensi terlibat ke arah menjadikan Daerah Hulu Selangor sebagai Bandar Rendah Karbon pada Tahun 2030.

OPERASI TEGAS

PASAR BUKIT SENTOSA

10 DISEMBER 2024 • BUKIT SENTOSA

MPHS telah menjalankan operasi penguatkuasaan (OPS TEGAS) di sebuah pasar swasta di Jalan Orkid, Bukit Sentosa. Pasar tersebut yang telah beroperasi lebih dari 10 tahun menempatkan seramai 22 orang peniaga yang menjual pelbagai barangan basah seperti sayur-sayuran, ayam, ikan, santan kelapa dan lain-lain. Operasi ini dijalankan susulan aduan awam yang juga ada diterima pihak majlis. Sebelum tindakan operasi, pihak majlis telah mengadakan beberapa siri perjumpaan bersama pihak pengurusan pasar tersebut dan beberapa teguran turut diberikan agar mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak majlis. Operasi yang bermula jam 9.30 pagi itu melibatkan seramai 44 orang anggota operasi yang terdiri daripada beberapa jabatan dalam MPHS antaranya Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (JPSPPA), Jabatan Pelesenan, Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Bangunan, Jabatan Perancang dan



Jabatan Kejuruteraan. Turut serta 10 orang anggota Polis Diraja Malaysia dari Ibu Pejabat Polis Daerah Hulu Selangor. Semasa operasi pemeriksaan dijalankan, anggota operasi mendapati pihak pengurusan pasar masih lagi tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan pihak MPHS. Terdapat banyak hurungan dan najis tikus di kawasan premis. Walaupun telah diberi teguran agar menghentikan aktiviti penyembelihan ayam di dalam pasar, didapati aktiviti tersebut juga masih berlaku. Ini menyebabkan berlakunya tumpahan terus darah dan bulu ayam ke dalam longkang/parit awam. Susulan operasi tersebut, pasar berkenaan telah diberikan Notis Perintah Penutupan di bawah peruntukan Seksyen 50 (1), Undang-Undang Kecil (UUK) Pasar MPHS 2007 selama 14 hari minimum bermula 10 Disember 2024 sehingga 24 Disember 2024 atau sehingga pihak pengurusan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Manakala Jabatan Perancang Bandar,

Jabatan Bangunan dan Jabatan Pelesenan telah mengambil tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan notis, kompaun dan penggantungan lesen perniagaan pemilik petak



TAKLIMAT KESELAMATAN KEBAKARAN 2024

10 DISEMBER 2024 • DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU. Taklimat berkenaan telah dilaksanakan dengan keterlibatan pasukan ERT/PKK dan kakitangan MPHS. Taklimat telah disampaikan oleh Encik Harashid bin Rusli, Pegawai Bomba Kanan (PBK) II dan Encik Hasrul Said bin Abdul Khatab, Pegawai Bomba Kanan (PBK) II dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kuala Kubu Bharu.

Antara topik yang diterangkan dalam taklimat tersebut:-

- a) Ceramah Keselamatan Kebakaran.
- b) Taklimat dan demonstrasi penggunaan alat pemadam api.
- c) Teknik menyelamatkan mangsa di dataran.
- d) Demonstrasi menghadapi dan memadam api dapur dari tong gas " Liquid Petroleum Gas ".

Ucapan penutup dan penyampaian cenderamata kepada penceramah telah disampaikan oleh Encik Mohd Norazif bin Ahmad Tamsis, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Hulu Selangor.



HULU SELANGOR HARI TANPA KENDERAAN

14 DISEMBER 2024 • BUKIT SENTOSA



Program ini dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Puan Julaihah binti Jamaludin. Turut hadir bersama bagi memeriahkan program tersebut adalah Tuan Awaluddin bin Zakaria, Setiausaha Majlis Perbandaran Hulu Selangor, barisan Ahli Majlis, Pengarah-pengarah Jabatan, serta kakitangan Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Program yang diadakan dua kali setahun ini bermula pada pukul 6.30 pagi. Kaunter pendaftaran telah mula dipenuhi pengunjung seawal 6.00 pagi bagi mendapatkan topi khas Hari Tanpa Kenderaan, yang disediakan secara percuma kepada 500 pengunjung terawal. Acara diteruskan dengan Larian Santai Hari Tanpa Kenderaan, di mana para peserta melalui lima checkpoint yang menyediakan lima jenis permainan sukaneka yang berbeza. Setiap checkpoint diuruskan oleh lima jabatan dalam Majlis Perbandaran Hulu Selangor iaitu Jabatan Perbandarharaan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Perancang Bandar, Bahagian Teknologi Maklumat, serta Bahagian Pusat Setempat. Selain itu, pelbagai persembahan kebudayaan dan aktiviti menarik turut diadakan di tapak program, seperti Persembahan Seni Silat Gayong, Gendang 24 Rentak, Persembahan **Tarian Orang Asli**, **face painting**, **Soopa Doopa**, **cabutan bertuah** serta **booth pameran** daripada agensi kerajaan dan swasta. Program ini merupakan salah satu inisiatif Majlis Perbandaran Hulu Selangor dalam usaha untuk melahirkan warga yang mengamalkan gaya hidup sihat, sambil mengurangkan penggunaan kenderaan yang menyebabkan pelepasan gas karbon monoksida.

KURSUS PENGURUSAN HAIWAN TERBIAR TINGKAT KEUPAYAAN JMB DAN MC KEDIAMAN STRATA



14 DISEMBER 2024 • BUKIT SENTOSA. Sebanyak 22 Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) dari kawasan strata sekitar Hulu Selangor menyertai Kursus Pengurusan Haiwan Terbiar, satu inisiatif strategik untuk menangani isu kucing dan anjing terbiar di kawasan kediaman bertingkat. Program ini dianjurkan oleh Unit Kawalan Haiwan Terbiar (UKHT), Bahagian Kelestarian dan Kesejahteraan Komuniti (KesKom), dengan matlamat memperkukuhkan pengetahuan peserta mengenai pengurusan haiwan terbiar secara profesional dan mematuhi Akta Kebajikan



Haiwan 2015 serta Akta Pengurusan Strata 2013. Presiden Akademi Haiwan Malaysia, Arie Dwi Andika, bertindak sebagai penceramah utama, berkongsi panduan dan maklumat berkaitan tatacara pengurusan haiwan yang betul berlandaskan perundangan sedia ada. Peserta turut mengambil bahagian dalam sesi soal jawab interaktif untuk membincangkan cabaran serta mencari penyelesaian efektif terhadap isu haiwan terbiar di komuniti masing-masing. Turut hadir memberikan sokongan ialah Yang Dipertua MPHS, Puan Julaihah binti Jamaludin, bersama Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (JPSPPA), Encik Mohd Shahril bin Ramli, serta Ketua Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB), Puan Nurul Asshima binti Aminullah. Sebagai tambahan, satu sesi khas mengenai pengurusan sisa domestik dan pukal turut diadakan bersama wakil dari KDEB Waste Management, Encik Kamal, bagi memberikan panduan kepada JMB dan MC tentang langkah-langkah meningkatkan kecekapan pengurusan sisa di kawasan masing-masing. Program ini merupakan salah satu usaha MPHS untuk memperkasakan pihak pengurusan strata dalam menangani isu kebersihan dan haiwan terbiar, sejajar dengan hasrat untuk meningkatkan kesejahteraan komuniti dan memperkukuhkan kualiti hidup di Hulu Selangor



PROGRAM KITAR SEMULA SIDINA UCO



14 DISEMBER 2024 • BUKIT SENTOSA. Program anjuran Bahagian Kelestarian dan Kesejahteraan Komuniti (KesKom) MPHS, berjaya mencatat pengumpulan sebanyak **97 kilogram minyak masak terpakai** sempena Hari Tanpa Kenderaan yang berlangsung di Jalan Orkid, Bukit Sentosa. Kejayaan ini mencerminkan sokongan aktif komuniti terhadap usaha kelestarian alam sekitar, sekali gus menyumbang kepada pengurangan pelepasan gas karbon dioksida. Inisiatif ini juga bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang bahaya pencemaran akibat pelupusan minyak masak secara tidak terkawal. Dalam pada itu, syarikat **ERTH (Electronic Recycling Through Heroes)** turut mengambil bahagian dengan membuka gerai khas bagi pengumpulan sisa elektronik. Sebanyak **8 kilogram e-waste** berjaya dikumpulkan, merangkumi barangan seperti telefon bimbit, penggoreng udara, tablet, kamera dan periuk nasi. Aktiviti ini menekankan kepentingan pengurusan sisa elektronik yang mampan demi mengurangkan kesan buruk kepada alam sekitar. Inisiatif sebegini adalah sebahagian daripada komitmen pihak berkuasa tempatan untuk menggalakkan komuniti mengamalkan gaya hidup lestari. Melalui program seperti ini, kita bukan sahaja dapat memupuk kesedaran, tetapi juga menggalakkan tindakan yang membawa manfaat jangka panjang kepada alam sekitar dan generasi akan datang.

HARI SEMAKAN BUKU PERKHIDMATAN

17 DISEMBER 2024 • KUALA KUBU BHARU.

Program tahunan ini diadakan untuk memberi ruang dan peluang kepada kakitangan MPHS menyemak dan memastikan setiap kenyataan

yang dicatat tentang perkhidmatan mereka di MPHS adalah tepat dan benar. Memandangkan Buku Perkhidmatan Kerajaan ini merekodkan maklumat peribadi dan perkhidmatan pegawai mulai tarikh lantikan sehingga perkhidmatan berakhir, maka Bahagian Pengurusan Sumber Manusia MPHS, Jabatan Khidmat Pengurusan perlu memastikan segala catatan perkhidmatan seseorang pegawai itu tepat khususnya melibatkan pembayaran faedah persaraan di akhir perkhidmatan nanti. Program telah dirasmikan oleh YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS

dan dalam ucapan beliau mengingatkan semua kakitangan agar membuat pengemaskinian mengenai maklumat peribadi sekiranya terdapat pindaan serta maklumat di dalam Sistem HRMIS dari semasa ke semasa. Turut hadir Tuan Shaiful Rizza bin Haji Piamin, Pengarah Perbendaharaan merangkap Penolong Setiausaha MPHS dan Encik Mohd Norazif bin Ahmad Tamsis, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan serta barisan pengarah-pengarah, ketua bahagian dan unit MPHS. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan juga menyediakan kaunter semakan berkaitan cuti, latihan/kursus, gaji, SSPA dan sistem HRMIS bagi tahun 2024.



SESI LIBAT URUS CADANGAN BAIKPULIH IMEJ KAWASAN PERINDUSTRIAN KAMUNTING, BUKIT SENTOSA

17 DISEMBER 2024 • BUKIT SENTOSA. Kawasan Perindustrian Kamunting, Bukit Sentosa telah dipilih oleh Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) sebagai projek perintis dalam penyediaan pelan induk bagi baik pulih kawasan perindustrian di daerah Hulu Selangor. Sesi libat urus bersama komuniti industri telah dilaksanakan di Dewan Komuniti, Bukit Sentosa pada hari ini. Projek ini akan dilaksanakan secara berfasa dan dijangka menjadi



memangkin kepada pembangunan yang lebih pesat, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) 2030. Inisiatif ini bertujuan mempromosikan pertumbuhan ekonomi inklusif, pembangunan infrastruktur lestari, dan mengukuhkan hubungan erat antara komuniti industri dengan MPHS. Sesi ini dimulakan dengan ucapan aluan oleh Tuan Awaluddin bin Zakaria, Setiausaha MPHS, diikuti dengan pembentangan taklimat cadangan baik pulih imej kawasan perindustrian oleh TPr. Gs. Azlina binti Mokhtar, Pengarah Jabatan Perancang Bandar MPHS. Turut hadir, YBrs. Puan Julaiha binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS, yang telah

memberikan amanat agar cadangan ini direalisasikan dengan jayanya mengikut fasa yang dirancang. Dalam sesi ini, semua pengusaha diberi peluang untuk menyampaikan cadangan, pandangan, dan pertanyaan berkaitan premis serta kawasan perindustrian terbabit. Diharapkan sesi ini menjadi platform efektif untuk mengenal pasti keperluan utama, termasuk penyelenggaraan infrastruktur dan anggaran kos bagi melaksanakan pembaikan menyeluruh. Kerjasama antara pihak industri dan MPHS adalah kunci kejayaan dalam memastikan kawasan perindustrian ini menjadi lebih kompetitif, mampan dan mesra komuniti.



SESI LELONGAN AWAM



17 DISEMBER 2024 • KUALA KUBU BHARU. Jabatan Penguatkuasaan telah mengadakan Program Sesi Lelongan Awam di ruang legar tingkat 1, Stadium Mini Kuala Kubu Bharu yang melibatkan barang-barang sitaan yang tidak dituntut oleh pemilik melebihi tempoh enam (6) bulan. Seramai 27 orang awam telah menyertai sesi lelongan tersebut.



LAWATAN PENANDA ARAS MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU KE MPHS

17 DISEMBER 2024 • KUALA KUBU BHARU. Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta (JPPH), MPHS telah menerima kunjungan daripada Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta MBBJ bagi mempelajari kaedah penilaian bagi tujuan cukai harta serta penggunaan sistem penilaian yang terkini yang digunakan oleh JPPH, MPHS. Seramai 24 orang kakitangan MBBJ yang diketuai oleh Encik Muhamad Syahir bin A Hanan, Timbalan Pengarah JPPH MBBJ telah terlibat dalam lawatan ini. Delegasi telah disambut oleh Pengarah Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, MPHS iaitu Encik Amlie bin Ismail serta beberapa pegawai MPHS. Program dimulakan dengan ucapan aluan oleh Yang Dipertua MPHS, Puan Julaiha binti Jamaluddin diikuti dengan taklimat berkaitan pengenalan dan pencapaian Jabatan yang disampaikan oleh Pengarah Jabatan, Encik Amlie bin Ismail dan diakhiri dengan taklimat berkaitan sistem yang digunakan Jabatan yang disampaikan oleh Encik Mohd Assha, Penolong Pegawai Penilaian Kanan JPPH MPHS. Dalam sesi ini juga, JPPH MBBJ turut berkongsi pengalaman dan pengetahuan mengenai penilaian cukai taksiran serta sistem yang digunakan pada masa kini.



BENGGKEL PENJENAMAAN SEMULA PROGRAM INDAH PERSEKITARAN 2025

14 DISEMBER 2024 • BUKIT SENTOSA



19 DISEMBER 2024 • KUALA KUBU BHARU. Jabatan Landskap telah mengadakan Bengkel Penjenamaan Semula Program Indah Persekitaran 2025. Program ini diadakan selaras dengan matlamat pembangunan mampan **SDG 11 - Bandar dan Komuniti Mampan** serta **SDG 17 - Perkongsian** bagi matlamat dengan tujuan memberi nafas baru bagi program ini. Seramai sembilan orang Persatuan Penduduk dan JMB yang dijemput bagi program pada tahun ini. Turut hadir kakitangan daripada Bahagian Korporat, Jabatan Petancang, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Pembangunan Masyarakat serta Ahli Majlis Encik Chinniah a/l Subramaniam. Banyak buah fikiran yang dilontarkan oleh persatuan penduduk dan JMB serta jabatan dalam meningkatkan mutu pertandingan Program Indah Persekitaran ini. Sebagai makluman, program ini telah dilaksanakan sejak tahun 2011.



LAWATAN KERJA KE LEMBAH BERINGIN, SUNGAI CHOH DAN TAMAN SERENDAH MAKMUR



20 DISEMBER 2024 • HULU SELANGOR

Yang Dipertua MPHS, Puan Juliah Jamaludin, bersama Jabatan Teknikal MPHS, termasuk Pengarah Kejuruteraan, Puan Sharifah Atan dan Ahli Majlis Zon 7, Encik Srikanth a/l Santrakandm, melaksanakan lawatan kerja ke beberapa lokasi untuk menilai infrastruktur dan pembangunan setempat, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Lembah Beringin: Lawatan menumpukan kepada penambahbaikan infrastruktur seperti lampu jalan, kestabilan cerun dan sistem perparitan. YDP turut meninjau laluan yang menghubungkan Lembah Beringin ke Pekan Kerling, di mana sebahagian laluan tersebut melalui tanah hakmilik swasta.

Sungai Choh: Tapak cadangan pembangunan perumahan berhampiran Lebuhraya Rawang Bypass dan Kampung Sungai Choh turut dikunjungi. MPHS memastikan setiap pembangunan mematuhi garis panduan, dengan penekanan kepada impak positif kepada kawasan sekitar, sejajar dengan SDG 11: Bandar dan Penempatan Mampan.

Taman Serendah Makmur: Projek pembinaan jalan baru yang telah disiapkan dikunjungi untuk menilai keberkesanannya dalam meningkatkan keselesaan penduduk. Selain itu, MPHS telah merancang pembinaan dewan komuniti terbuka pada 2025 sebagai usaha memperluas kemudahan awam bagi masyarakat, menyokong SDG 9: Infrastruktur Mampan.



Lawatan ini mencerminkan komitmen MPHS terhadap pembangunan mampan yang inklusif dan mesra komuniti, dengan keutamaan diberikan kepada kesejahteraan rakyat dan pembangunan berimpak positif.

LAWATAN

PERKONGSIAN ILMU MBSA BAGI PELAKSANAAN GERAN KHAS KOMUNITI MAMPAN, MPHS



19 DISEMBER 2024 • KUALA KUBU BHARU. Jabatan Landskap telah mengadakan Bengkel Penjenamaan Semula Program Indah Persekitaran 2025. Program ini diadakan selaras dengan matlamat pembangunan mampan SDG 11 - Bandar dan Komuniti Mampan serta SDG 17 - Perkongsian bagi matlamat dengan tujuan memberi nafas baru bagi program ini. Seramai sembilan orang Persatuan Penduduk dan JMB yang dijemput bagi program pada tahun ini. Turut hadir kakitangan daripada Bahagian Korporat, Jabatan Petancang, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Pembangunan Masyarakat serta Ahli Majlis En. Chinniah a/l Subramaniam. Banyak buah fikiran yang dilontarkan oleh persatuan penduduk dan JMB serta jabatan dalaman dalam meningkatkan mutu pertandingan Program Indah Persekitaran ini. Sebagai makluman, program ini telah dilaksanakan sejak tahun 2011.





Program telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Juliah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS. Turut hadir pada program ini Ahli Majlis MPHS YBrs. Tuan Puvanesvaran a/l Patchimuthu dan YBrs. Puan Law Suet Peng. Hadir bersama pada program tersebut YBrs. TPr. Gs. Azlina binti Mokhtar, Pengarah Jabatan Perancang Bandar, MPHS dan YBrs. Encik Razaini bin Ishak, Ketua Bahagian Pusat Setempat (OSC). Peserta yang menyertai pertandingan ini terdiri daripada pekerja sektor perindustrian, perunding sektor pembinaan serta pemaju hartanah di Daerah Hulu Selangor. Turut menyertai program ini adalah peserta dari Invest Selangor Berhad dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Program ini dilaksanakan adalah bertujuan bagi memperkasakan hubungan silaturrahim antara pihak MPHS bersama pemain industri dan sektor pembinaan di Hulu Selangor yang telah bersama-sama memberi sokongan dalam membangunkan daerah ini. Penganjuran pertandingan boling ini juga merupakan program kali 3 dianjurkan bermula pada tahun 2019. Program seumpama ini juga merupakan inisiatif MPHS dalam menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 yang digariskan melalui SDG 3 : Kesihatan dan Kesejahteraan Yang Baik dan SDG17 : Kerjasama Demi Matlamat. Kemuncak bagi pertandingan ini penyampaian hadiah kepada semua peserta dan para pemenang. Para pemenang membawa pulang hadiah berupa wang tunai dan hamper. Pemenang bagi pertandingan ini diungguli oleh :

JOHAN : Perodua Sdn. Bhd. Sungai Choh
NAIB JOHAN : Riverstone Resources Sdn. Bhd.
KETIGA : Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

PEMAIN LELAKI TERBAIK :
Encik Rizz dari Perodua Sdn. Bhd. Sungai Choh
PEMAIN WANITA TERBAIK :
Puan Eja dari Kumpulan Hartanah Selangor Berhad

Puan Yang Dipertua merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak industri yang memberi sokongan dalam program ini. Semoga program seumpama ini dapat menarik lebih ramai lagi penyertaan pada masa akan datang.















LAWATAN PENANDA ARAS JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA, MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU KE MPHS

18 DISEMBER 2024 • BUKIT BERUNTING RESORT Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta (JPPH), Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menerima kunjungan daripada Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) bagi mempelajari kaedah penilaian bagi tujuan cukai harta serta penggunaan sistem penilaian yang terkini yang digunakan oleh JPPH, MPHS. Seramai 24 orang kakitangan MBJB yang diketuai oleh Encik Muhamad Syahir bin A Hanan, Timbalan Pengarah JPPH, MBJB telah terlibat dalam lawatan ini. Delegasi telah disambut oleh Pengarah JPPH, MPHS iaitu Encik Amlie bin Ismail serta beberapa pegawai MPHS yang lain. Program dimulakan dengan ucapan aluan oleh Yang Dipertua MPHS, Puan Julaiha binti Jamaluddin diikuti dengan taklimat berkaitan pengenalan dan pencapaian Jabatan yang disampaikan oleh Pengarah Jabatan, Encik Amlie bin Ismail dan diakhiri dengan taklimat berkaitan sistem yang digunakan Jabatan yang disampaikan oleh Encik Mohd Assha, Penolong Pegawai Penilaian Kanan JPPH, MPHS. Dalam sesi ini juga, JPPH MBJB turut berkongsi pengalaman dan pengetahuan mengenai penilaian cukai taksiran serta sistem yang digunakan oleh mereka.



LAWATAN TAPAK PROJEK PEMBINAAN BANGUNAN DEWAN BANQUET 2 TINGKAT DI TAMAN TASIK MILENIUM



24 DISEMBER 2024 • KUALA KUBU BHARU.

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS), YBr. Puan Julaiha binti Jamaludin, A.M.S., telah mengadakan lawatan tapak ke projek pembinaan Dewan Banquet 2 Tingkat dengan lantai mezzanine di Taman Tasik Milenium, Kuala Kubu Bharu,



yang dikendalikan oleh Jabatan Bangunan sebagai pihak bertanggungjawab ke atas projek. Tindakan status kemajuan projek yang kini telah mencapai lebih 40% siap pembinaannya. Projek pembinaan Dewan Banquet ini dijangka memberi manfaat besar kepada masyarakat setempat dengan menyediakan kemudahan serbaguna yang moden dan selesa untuk pelbagai acara rasmi dan sosial. MPHS komited untuk memastikan projek ini berjalan lancar demi kesejahteraan penduduk setempat.



MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL PELANCONGAN DAERAH HULU SELANGOR

26 DISEMBER 2024 • DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS. Turut hadir dalam mesyuarat ini ialah Ahli Majlis MPHS, Encik Puvanesvaran A/L Patchimuthu, Puan Law Suet Peng, dan Encik Abdul Mun'im bin Roslan. Hadir sama, Tuan Awaluddin bin Zakaria, Setiausaha MPHS, bersama barisan pengarah-pengarah jabatan MPHS. Mesyuarat dimulakan dengan perutusan oleh YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS, diikuti dengan taklimat mengenai Tujuan Penubuhan Jawatankuasa Teknikal Pelancongan Daerah Hulu Selangor yang disampaikan oleh Puan Nurulhuda Ahmad binti Khairuddin, Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat. Selain itu, ahli mesyuarat juga diberi penerangan mengenai Tahun Melawat Selangor 2025.

Tujuan utama mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pelancongan ini adalah untuk merancang dan menyelaraskan aktiviti serta inisiatif pelancongan yang dapat menarik pelancong dan memberi manfaat ekonomi kepada penduduk setempat. Inisiatif ini juga selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampaan (SDG), khususnya: • **SDG 8: Pekerjaan yang Layak dan Pertumbuhan Ekonomi - Meningkatkan aktiviti pelancongan yang mampan bagi menyediakan peluang pekerjaan serta meningkatkan pendapatan**

ekonomi bagi masyarakat setempat. • SDG 11: Bandar dan Komuniti Lestari - Memastikan kemajuan pelancongan di Hulu Selangor dijalankan secara mampan dan berperikemanusiaan, serta memelihara warisan budaya dan alam sekitar. Diharapkan mesyuarat ini dapat menjadi titik permulaan dalam mengukuhkan pembangunan pelancongan di Daerah Hulu Selangor, seterusnya menjadikannya sebagai destinasi utama pelancong dari dalam dan luar negara pada masa mendatang.



LAWATAN YANG DIPERTUA MPHS KE KILANG TSP3DG, RASA

27 DISEMBER 2024 • HULU SELANGOR. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Puan Julaihah binti Jamaludin, A.M.S bersama Ahli Majlis Puan Elyn Law Suet Peng, Encik Chinniah A/L Subramaniam, Encik Aylwin Chan Wai Tuck, Puan Wong Sheau Mei @ Ong Sheau Mei, wakil dari Jabatan Alam Sekitar (J.A.S) dan beberapa wakil jabatan dari pihak MPHS telah mengadakan satu lawatan rasmi ke kilang TSP3DG. Tujuan lawatan tersebut adalah untuk melihat cara proses kitar semula kertas yang dijalankan mengikut kelulusan dan piawaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (J.A.S). Dalam lawatan itu juga terdapat sesi penerangan yang lebih terperinci mengenai kaedah yang digunakan dalam memproses kita semula kertas terpakai tersebut dari peringkat awal hingga ke akhir. Encik Wong Kien Onn bertindak selaku Pengarah syarikat TSP3DG telah memberikan sepenuhnya penerangan tentang aktiviti-aktiviti yang turut dijalankan di kilang tersebut. Disamping itu juga pemeriksaan dijalankan untuk menilai tahap pematuhan dan beberapa saranan telah diberikan oleh pihak teknikal berwajib bagi memastikan pengurusan sisa pepejal yang dikeluarkan dan juga penempatan bahan yang digunakan daripada aktiviti tersebut dapat terpelihara dari beberapa aspek yang boleh mengakibatkan berlakunya pencemaran terhadap alam sekitar. Dengan adanya lawatan seperti ini pihak MPHS akan dapat membantu pihak pengurusan kilang bagi memastikan pengoperasian dapat berjalan dengan lancar mengikut peraturan yang ditetapkan.



LAWATAN YANG DIPERTUA MPHS KE PUSAT SEMBELIHAN AYAM RAWANG DAN SUNGAI CHOH



29 DISEMBER 2024 • SUNGAI CHOH. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS), Puan Julaihah binti Jamaludin, bersama Ahli Majlis dan Jabatan Alam Sekitar telah melawat pusat sembelihan ayam di Rawang dan Sungai Choh bagi meninjau rawatan sisa efluen daripada proses penyembelihan ayam serta pematuhan terhadap piawaian alam sekitar dan peraturan sedia ada. Lawatan ini menekankan tentang penggunaan teknologi rawatan sisa untuk mengurangkan impak pencemaran sungai, sejajar dengan garis panduan Jabatan Alam Sekitar dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. **Kaedah rawatan sisa ini telah menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 khususnya SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi, SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran Yang Bertanggungjawab serta SDG 15: Kehidupan di Darat.** MPHS komited memperkukuh kerjasama dengan agensi berkaitan bagi menyediakan panduan dan sokongan teknikal kepada pengusaha serta mempergiat advokasi kepada masyarakat tentang kepentingan menjaga kebersihan dan kelestarian alam sekitar.



LATIHAN PENGUNGSIAN PEJABAT "FIRE DRILL" 2024

31 DISEMBER 2024 • BUKIT SENTOSA.

Latihan Pengungsian Pejabat "Fire Drill" Tahun 2024, Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) Bukit Sentosa telah diadakan di Pejabat Cawangan Bukit Sentosa. Antara yang terlibat pada sesi latihan tersebut adalah ahli pasukan ERT/PKK dan semua kakitangan di Pejabat Cawangan Bukit Sentosa MPHS. Latihan tersebut turut dihadiri oleh Encik Muhd Roduan bin Sudin, Pegawai



Bomba Kanan (PBK) I dan Encik Mohd Fauzi bin Wahab, Pegawai Bomba Kanan (PBK) II dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Bukit Sentosa. Mesyuarat "Post Mortem" Latihan Pengungsian Pejabat "Fire Drill" Tahun 2024, Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah dipengerusikan oleh Encik Mohd Norazif bin Ahmad Tamsis, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Hulu Selangor sebagai wakil pengurusan MPHS



PROGRAM AHLI MAJLIS BERSAMA RAKYAT

Y.A.D. RAJA DATO' MUZAFFAR BIN RAJA REDZWA D.S.I.S., ZON 24



13 OKTOBER 2024 • TAMAN MILENIUM, KUALA KUBU BHARU. Program Pelancaran Karnival Alam Sekitar.

25 NOVEMBER 2024 • DEWAN JUBLI PERAK SULTAN ABDUL AZIZ SHAH, SHAH ALAM. Majlis Multaqa Sharafuddin Idris Shah Al Haj.

19 OKTOBER 2024 • MASJID AT TAQWA, KALUMPANG. Program Kuliah Subuh Khas..



16 DISEMBER 2024 • MENARA MERDEKA, 118 KUALA LUMPUR. Jemputan Sempena Lawatan D.Y.M.M Sultan Selangor Dan D.Y.M.M Tengku Pemaistri Selangor.

HAYATI BINTI CHAT, AHLI MAJLIS ZON 21



3 OGOS 2024 • PEJABAT JUALAN MK LAND SDN BHD, TAMAN BUNGA RAYA. Program Penyerahan 80 unit cermin mata kepada penerima melalui Program Karnival Komuniti Taman Bunga Raya

29 OGOS 2024 • BUKIT BERUNTUNG/BUKIT SENTOSA. Penyerahan Jalur Gemilang Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan kali ke-67 kepada agensi kerajaan, ketua komuniti, JMB/KRT, Persatuan Penduduk, Pemilik Kedai serta gerai.



14 SEPTEMBER 2024 • DEWAN KOMUNITI APARTMENT ANGERIK. Program Karnival Kesihatan Komuniti 2024.



27 OKTOBER 2024 • DEWAN KOMUNITI APARTMENT ANGERIK. Penyerahan Pakaian serta Bakul Makanan sempena sambutan Deepavali 2024.

DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

PROGRAM AHLI MAJLIS BERSAMA RAKYAT

▣ HAYATI BINTI CHAT, AHLI MAJLIS ZON 21



JULAI - NOVEMBER 2024 • SEKITAR RAWANG. Program Ziarah Kasih sepanjang bulan Julai hingga November di beberapa kawasan dan sekitaran Rawang dan Taman Bunga Raya.

▣ SYED HIDAYAT SYED HASSAN, AHLI MAJLIS ZON 9



12 OGOS 2024 • KOMPLEKS SUKAN HULU SELANGOR, KUALA KUBU BHARU. Program Kahwin Perdana Orang Asli Hulu Selangor 2024.

5-6 OKTOBER 2024 • KEM BINA SEMANGAT, AMPANG PECAH. Program Kem Belia Jelajah Sejarah 2024.



16 OKTOBER 2024 • BALAIRAYA TAMAN AMPANG PECAH. Program Kenduri Deepavali Ampang Pecah 2024.

9 NOVEMBER 2024 • PKNS EVOMALL, BANGFI. Program Kejohanan Taekwon-do Antarabangsa Terbuka Bangi 2024.



12 OKTOBER 2024 • PPAS, BANGFI. Program Kursus Pengadil Taekwon-do ITF 2024.



▣ FUAD AHMAD NARAVI, AHLI MAJLIS ZON 19



13 JULAI 2024 • DEWAN ABDUL HAMID, BATANG KALI. Program Kecemerlangan SPM 2023 Pusat Khidmat Penyelaras DUN Batangkali.

14 JULAI 2024 • DEWAN KOMUNITI, TAMAN WIDURI 2. Sukaneka Tertutup Taman Widuri 2.



19 JULAI 2024 • TAPAK PASAR MALAM, BUKIT SENTOSA. Perasmian Medan Food Truck Pasar Tani Bukit Sentosa.

PROGRAM AHLI MAJLIS BERSAMA RAKYAT

□ FUAD AHMAD NARAVI, AHLI MAJLIS ZON 19

10 OGOS 2024 • JALAN ANGGERIK 5B. Program Bubur Asyura Bulan Kemerdekaan.



30 OGOS 2024 • TAMAN ROS 1, BUKIT SENTOSA. Program Sambutan Ambang Kemerdekaan Penduduk Ros 1.



1 SEPTEMBER 2024 • KRT TAMAN ANGGERIK, BUKIT SENTOSA. Program Funride@Kayuhan Merdeka.



1 SEPTEMBER 2024 • PADANG AWAM TULIP, BUKIT SENTOSA. Program Sempena Sambutan Hari Merdeka 2024 Persatuan Penduduk Taman Tulip Bukit Sentosa.



6 OKTOBER 2024 • PANGSAPURI SERI ANGGERIK 2, BUKIT SENTOSA. Program Ramah Mesra di Pangsapuri Seri Anggerik 2 bersama Encik Saifuddin Shafi Muhammad selaku Penyelaras DUN Batang Kali sekaligus merasmikan program ini disertai oleh pihak polis & bomba.

10 NOVEMBER 2024 • KAMPUNG ORANG ASLI BUKIT MANCHUNG, BUKIT BERUNTUNG. Program Pesta Kebudayaan & Kesenian Orang Asli Bukit Manchung.



23 NOVEMBER 2024 • SUNGAI TENGI SELATAN. Program Ziarah Kasih Di Sungai Tengi.

18 DISEMBER 2024 • PASAR AWAM SWASTA BUKIT SENTOSA. Tinjauan Tapak Pasar Awam Swasta Pegawai JPSPPA MPHS Dan Pihak Pengurusan Pasar.



29 DISEMBER 2024 • Edaran Kalendar Tahun 2025 Sempena Majlis Ulangtahun Srikandi Ke-11.



DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

PROGRAM AHLI MAJLIS BERSAMA RAKYAT

ENCIK AYLWIN CHAN WAI TUCK, AHLI MAJLIS ZON 16



12 JULAI 2024 • KAMPUNG ORANG ASLI SERENDAH. Lawatan Tapak Pembuangan Sampah.

11 OGOS 2024 • TAMAN MELATI dan DESA KIAMBANG. Program Bubur Lambuk Dan Bubur Asyura Taman Melati Dan Desa Kiambang.



7 SEPTEMBER 2024 • SERENDAH. Sambutan Pesta Tanglung.



5 OKTOBER 2024 • KLINIK KESIHATAN SERENDAH. Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia.



27 JULAI 2024 • SERENDAH. Perbincangan Mengenai Isu ECRL Di Taman Melati, Serendah.



31 OGOS 2024 • KAMPUNG ORANG ASLI SERENDAH. Sambutan Sukanekka Merdeka 2024: Harmoni Bersama Komuniti Orang Asli Serendah.



22 SEPTEMBER 2024 • KAMPUNG DAMAI, SERENDAH. Pertandingan Bola Keranjang 3x3.



15 DISEMBER 2024 • SERENDAH. Mini Pesta Seni Belia Orang Asli Serendah.



MD JOHARI BIN HALUS, AHLI MAJLIS ZON 2



OGOS 2024 • Program Sambutan Bulan Kemerdekaan 2024.



16 NOVEMBER • UPSI SPORT CENTRE, TANJUNG MALIM. Program Pertandingan Tenpin Bowling.

MICHELLE WONG, AHLI MAJLIS ZON 14



25 JULAI 2024 • SERENDAH. Ziarah Medik

14 OGOS 2024 • SJK(C) BUKIT TANGGA. Taklimat dan Demo CPR



8 SEPTEMBER 2024 • HULU YAM BHARU. Program Pesta Kuih Bulan.



19 OKTOBER 2024 • Balairaya JPKK Kalong Tengah/Hilir. Program Kesihatan Komuniti Zon 14..



27 OKTOBER 2024 • Majlis Sumbangan Baju Deepavali Zon 14 dan Jamuan Deepavali MPKK Kampung Gurney



ROHANI BINTI YUSOF, AHLI MAJLIS ZON 3



Penyerahan 400 Helai Bendera Kepada Wakil Felda Sungai Tengi Dan Sungai Tengi Selatan.

Program Serahan Al Quran 2024



Program Sambutan Hari Kemerdekaan Kemas Felda Sungai Tengi.



Program Sumbangan Lampu Solar di Sg Tengi Selatan.

DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

PROGRAM AHLI MAJLIS BERSAMA RAKYAT



Program Sumbangan Komputer Riba.



SUNGAI TENGI. Program Sumbangan Bumbung Rumah Kedai Sungai Tengi 2024.



19 SEPTEMBER 2024 • MASJID SUNGAI TENGI. Program Sumbangan Pembinaan Kolum.

RAJASEGAR A/L RAMAIAH, AHLI MAJLIS ZON 15



19 OGOS 2024 • ANTARA GAPI. Program Penyerahan Bendera Sempena Hari Kebangsaan 2024.



31 OKTOBER 2024 • SERENDAH. Program Sumbangan Baucer Sempena Hari Deepavali.



23 NOVEMBER 2024 • ANTARA GAPI. Sumbangan Penghawa Dingin (Air-Cond) Dewan Wawasan Sekolah Kebangsaan Antara Gapi sempena Karnival Transformasi Interaktif Ts 25



24 NOVEMBER 2024 • BATANG KALI. Gotong Royong Cegah Denggi, Kampung Batu 30 dan Kawasan Perumahan Rumah Murah Batu 30 Hulu Yam, Batang kali.



LAPORAN ADUAN



JUMLAH ADUAN BAGI TAHUN 2024 (JULAI - DISEMBER)



BULAN	TERIMA	*ADUAN		DALAM TINDAKAN		SELESAI	
		ADUAN	%	DALAM TINDAKAN	%	SELESAI	%
JULAI	462	589	9.46	0	0.00	589	100.00
OGOS	431	560	9.00	3	0.54	557	99.46
SEPTEMBER	422	507	8.15	3	0.59	504	99.41
OKTOBER	437	557	8.95	8	1.44	549	98.56
NOVEMBER	344	438	7.04	22	5.02	416	94.98
DISEMBER	358	457	7.34	108	23.63	349	76.37
JUMLAH	2,454	3,108	100	144	5.00	2,984	95.37




PENERIMAAN ADUAN MENGIKUT JABATAN

MAJLIS / JABATAN	ADUAN	SELESAI	%
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN	1	0	0.00
BAHAGIAN KORPORAT	2	2	100.00
UNIT INTEGRITI	7	5	71.43
JABATAN PERBENDAHARAAN	17	17	100.00
JABATAN PELESENAN	24	24	100.00
JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA	36	35	97.22
JABATAN PERANCANG BANDAR	53	51	96.23
BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN COB	54	54	100.00
JABATAN BANGUNAN	149	146	97.99
UNIT KAWALAN HAIWAN TERBIAR	264	261	98.86
AGENSI LUAR	267	248	92.88
JABATAN LANDSKAP	453	440	97.13
JABATAN Penguatkuasaan	462	451	97.62
JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM	498	448	89.96
JABATAN KEJURUTERAAN	821	782	95.25
JUMLAH	3,108	2,964	95.37



PENERIMAAN ADUAN MENGIKUT KATEGORI


BUTIRAN	ADUAN	SELESAI	%
Penguatkuasaan	0	0	0.00
CYBERCAFE	1	1	100.00
PONDOK/STESEN BAS/TEKSI	2	1	50.00
IKLAN	5	5	100.00
PERUMAHAN	17	17	100.00
KEBERSIHAN PERMIS MAKANAN	24	24	100.00
TADBIR URUS	26	18	69.23
BIL CUKAI TAKSIRAN	32	32	100.00
BENCANA ALAM	41	36	87.80
TAMAN PERMAINAN / TAMAN RIADAH / TAMAN TASIK / DATARAN	60	58	96.67
PENCEMARAN	60	54	90.00
HALANGAN AWAM	66	65	98.48
LESEN PERNIAGAAN	68	65	95.59
PROJEK/TAPAK BINAAN	76	73	96.05
PENJAJA	80	80	100.00
HARTA PBT	87	85	97.70
TEMPAT LETAK KENDERAAN / PARKIR	167	164	98.20
BANGUNAN	195	194	99.49
LAMPU	227	217	95.59
KEJIRANAN	299	277	92.64
JALAN	355	327	92.11
HAIWAN / SERANGGA	435	420	96.55
POKOK	531	508	95.67
PEMBERSIHAN AWAM	981	912	92.97
JUMLAH	3,835	3,633	94.73




▶▶ LAPORAN ADUAN



KATEGORI ADUAN TERTINGGI




PENERIMAAN ADUAN MENGIKUT KAWASAN





SALURAN PENERIMAAN ADUAN



DIREKTORI



YANG DIPERTUA

PUAN JULIAHAH BINTI JAMALUDIN *A.M.S.*



SETIAUSAHA

TUAN AWALUDDIN BIN ZAKARIA
A.M.S.



PENGARAH

JABATAN PERBENDAHARAAN
ENCIK SAIFUL RIZZA BIN
HJ PIAMIN, *C.A (M), P.P.T.*



PENGARAH

JABATAN PERANCANG BANDAR

TPr. Gs. AZLINA BINTI
MOKHTAR, *P.P.T.*



PENGARAH

JABATAN PELESENAN

ENCIK KAMARUZZAMAN BIN
ABDUL RAHMAN, *P.P.T.*



PENGARAH

JABATAN LANDSKAP

LAr. MOHD FADHIL BIN
MOHD LANI, *P.P.T.*



PENGARAH

JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL
& PEMBERSIHAN AWAM
ENCIK MOHD SHAHRIL
BIN RAMLI



PENGARAH

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
ENCIK MOHD NORAZIF BIN
AHMAD TAMSIS, *P.P.T.*



PENGARAH

JABATAN BANGUNAN
ENCIK MD RIZAL BIN
MOHD SOFIAN@ABD KARIM, *P.P.T.*



PENGARAH

JABATAN PENILAIAN &
PENGURUSAN HARTA
ENCIK AMLIE BIN ISMAIL,
P.P.T.



PENGARAH

JABATAN PENGUATKUASAAN
ENCIK MUHAMMAD AZRUL
NIZAM BIN MOHD AZIZI



PENGARAH

JABATAN KEJURUTERAAN
PUAN SHARIFAH
BINTI ATAN



KETUA

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
PUAN NURUL HUDA AHMAD
BINTI KHAIRUDDIN



KETUA

BAHAGIAN KORPORAT
PUAN JUNAINAH
BINTI ABDULLAH



KETUA

BAHAGIAN PUSAT SETEMPAT (OSC)
ENCIK MOHD RAZAINI
BIN ISHAK



KETUA

BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN
PUAN NURUL ASSHIMA
BINTI AMINULLAH



KETUA

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
ENCIK MOHAMAD RAMDAN
BIN IBRAHIM



KETUA

BAHAGIAN PEROLEHAN
IK NORAZIMAH BINTI
MOHD ARSHAD, *P.P.C.*



KETUA

BAHAGIAN PERUNDANGAN
PUAN RUZIANAH
BINTI MOHAMAD



KETUA

BAHAGIAN AUDIT DALAM
ENCIK SAM SUL KAMAL
BIN ABD AZIZ



KETUA

UNIT INTEGRITI
ENCIK ABULLAH SHAHRIL
BIN ROSLI

YANG DIPERTUA SETIAUSAHA, PENGARAH/KETUA JABATAN DAN AHLI-AHLI MAJLIS



ZON 24

Y.A.D. RAJA DATO' MUZAFFAR
BIN RAJA REDZWA, *D.S.I.S.*



ZON 06

PUAN ELYN LAW SUET PENG



ZON 17

ENCIK PUVANESVARAN
A/L PATCHIMUTHU



ZON 05

ENCIK ABDUL MUN'IM
BIN ROSLIN



ZON 15

ENCIK RAJASEGAR
A/L RAMAIAH



ZON 11

ENCIK RAJESH RAO
A/L BALAKRISHNAN



ZON 03

PUAN ROHANI BINTI YUSOF



ZON 21

PUAN HAYATI BINTI CHAT



ZON 08

PUAN SARIPAH BINTI BAKAR



ZON 18

ENCIK MOHAMAD FARIDUL
AMINI BIN SUHAIMI



ZON 07

ENCIK SRIKANTH
A/L SANTRAKANDM



ZON 10

PUAN YONG CHAN HEE



ZON 02

ENCIK MD JOHARI BIN HALUS



ZON 23

PUAN THILAGESWARY
A/P MUNIANDI



ZON 12

ENCIK LAW SAY HIN



ZON 04

ENCIK A. DURAI ANBALAGAN
A/L AYYA KANAMA



ZON 19

ENCIK FUAD
BIN AHMAD NARAVI



ZON 22

ENCIK MUHAMMAD SYAFIQ
BIN ZAZALI



ZON 09

TUAN SYED HIDAYAT
BIN SYED HASSAN



ZON 13

TUAN CHINNIAH
A/L SUBRAMANIAM



ZON 14

PUAN WONG SHEAU MEI
@ ONG SHEAU MEI



ZON 20

ENCIK MURUGAN
A/L VEERAPANDIAN



ZON 16


ENCIK AYLWIM CHAN
WAI TUCK




ZON 01



ENCIK MOHD REZZA
BIN RAMLAY




MPHS GO






Muat Turun Sekarang!



-  E-Perkhidmatan MPHS
-  Direktori
 - Agensi Kerajaan Hulu Selangor
 - Pejabat Penghulu, Hulu Selangor


-  Aduan kepada pelbagai agensi
-  Lokasi Pejabat Kerajaan Hulu Selangor
-  Promosi Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR)

-  Pembayaran cukai & bil utiliti
-  Lokasi dan tempat menarik di Hulu Selangor
-  Makluman dan pengumuman

 AI Talian Kecemasan

 QR Code Scanner

 Mudah untuk digunakan



MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR

Jalan Bukit Kerajaan, 44000 Kuala Kubu Bharu, Selangor Darul Ehsan.
Telefon : +60360641331 | Faks : +60360643991



www.mphs.gov.my



@MajlisPerbandaranHuluSelangor



@mphuluselangor

